



ISN

BEYOND PERFORMANCE

INSTITUT SUKAN NEGARA



#TEAMISN

I ONLY SEE GOLD

WHERE CHAMPIONS ARE MADE

WHERE LEGENDS ARE MADE



BEYOND PERFORMANCE

LAPORAN TAHUNAN 2020



KANDUNGAN

Rangkuman 2020	2
Perutusan Menteri Belia dan Sukan	10
Perutusan Pengerusi Lembaga Institut	12
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	14
Maklumat Korporat ISN	16
Ahli Lembaga Institut	26
Tadbir Urus Korporat	34
Penerimaan dan Penggunaan Sumber Dana Kerajaan Persekutuan	38
Analisis Prestasi Kewangan	42
Pengurusan Eksekutif	44
Pemacu Prestasi ISN	48
Inisiatif Norma Baharu	116
Penyata Kewangan	120

RANGKUMAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bukan sahaja di arena sukan; malah turut memberi kesan kepada hampir keseluruhan aspek kehidupan merentasi bidang ekonomi, pendidikan sehinggalah turut merubah corak gaya hidup serta hubungan sosial dan kemasyarakatan.

Pandemik yang melanda dunia telah mencorak norma baharu sehingga mewujudkan banyak limitasi dan mencabar kreativiti untuk terus mengharungi kehidupan demi memastikan matlamat dicapai dengan sebaiknya.

Beberapa temasya sukan atau kejohanan bertaraf dunia seperti Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 juga terpaksa ditunda akibat penularan pandemik yang sukar dikawal sepenuhnya. Namun, ISN terus berdaya maju mengharungi norma baharu dan berikut merupakan rangkuman ISN bagi tahun 2020:

2020

16 JANUARI 2020

Pengiktirafan *Asian Football Confederation* (AFC) kepada Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN) sebagai *AFC Medical Centre of Excellence*





TotalSim Ltd. sebagai *International Collaborator*
(Projek Basikal Sukan Olimpik Tokyo 2020)

17 JANUARI 2020

9 MAC 2020

Majlis Pelancaran Basikal Trek Sukan Olimpik Tokyo 2020





Farmasia Sdn. Bhd. sebagai Rakan Strategik ISN (Produk Perubatan)

1 APRIL 2020

1 JULAI 2020

Futurise Sdn. Bhd. sebagai Rakan Strategik ISN
(Regulatory and Innovation Sandbox)





ISN *Business Review* bersama Rakan-Rakan Perniagaan Strategik Team MAS dan Pengurusan Tertinggi ISN di Kinrara Resort, Puchong, Selangor Darul Ehsan

20 JULAI 2020

21 JULAI 2020

Majlis Apresiasi Ahli Lembaga Institut dan Pesara Institut Sukan Negara





Program ISN Inspire : Pelancaran V30, Program Fit Malaysia X dan Program Women Can Coach

18 SEPTEMBER 2020

25 - 26 SEPTEMBER 2020

*Executive Leadership Program :
Strategic Leadership Development*





Bengkel Pelan Bakat Sukan Kebangsaan

5 - 7 OKTOBER 2020

NORMA BAHARU

Inisiatif dan Pembudayaan Norma Baharu





Virtual Sports Medicine and Sports Science Conference (VSMSS)

4 - 5 NOVEMBER 2020

20 - 23 DISEMBER 2020

Bengkel Kewangan dan Pembentangan KPI ISN 2021





AKK

AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN
NATIONAL COACHING ACADEMY

FOLLOW US ON
SOCIAL MEDIA

[akk.isnmalaysia.com](https://www.akk.isnmalaysia.com)



PERUTUSAN MENTERI BELIA DAN SUKAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah. Bersyukur ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurnia, rahmat dan izin-Nya, Institut Sukan Negara berjaya melepasi cabaran 2020 akibat kekangan pandemik COVID-19 dengan penuh cekal dan tabah. Sekalung penghargaan dan syabas diucapkan kepada seluruh warga ISN yang komited, cemerlang serta konsisten melipatgandakan usaha dan tenaga dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang digalas selama ini.

Tahun 2020 menyaksikan kejayaan ISN dalam melaksanakan program yang dirancang dan mengorak langkah dengan memperkukuhkan azam dalam menjayakan misi dan visi. Kejayaan ini adalah hasil daripada kebijaksanaan merancang, keupayaan mengenal pasti masalah serta memberi fokus kepada solusi terbaik dalam menentukan hala tuju ISN.

Dalam ekosistem sukan negara, peranan yang dimainkan oleh ISN adalah sangat penting sebagai penentu kejayaan sukan berprestasi tinggi negara di peringkat antarabangsa. Melalui pelancaran Pelan Strategik ISN 2020 - 2030 yang dijenamakan sebagai V30, merupakan satu titik tolak penentu dan hala tuju ISN untuk memajukan sukan negara. Saya berharap dengan adanya V30 ini, ia akan menjadi panduan arah yang lebih jelas dan sebagai inspirasi warga ISN dalam memacu sukan negara.

Justeru, berteraskan kepada pelbagai cabang perkhidmatan yang menjadi nadi penggerak utama organisasi, saya mengharapkan penerbitan Buku Laporan Tahunan 2020 ini dapat dijadikan sumber rujukan ilmiah, kajian serta informasi terkini untuk melakar kejayaan yang lebih baik pada tahun akan datang.

Akhir kata, besarlah harapan saya sekiranya seluruh warga kerja ISN dapat melonjakkan daya usaha ke tahap yang lebih tinggi bagi merealisasikan pencapaian keberhasilan sukan negara sebagai sebuah organisasi tunggal yang meneraju kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan di Malaysia.

Sekian, wassalam.

DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN
Menteri Belia dan Sukan Malaysia



PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA INSTITUT

السَّلَامَةُ عَلَيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua, kita telah sama-sama dapat menempuh cabaran sepanjang tahun 2020 dengan jayanya. Ya, kita masih mampu menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sempurna sungguhpun kita dilanda pandemik COVID-19 yang membelenggu negara.

Satu usaha yang wajar dipuji, kerana bukan sahaja segala pencapaian ISN melalui program dan aktiviti berjaya ditempuhi dan direkodkan secara sistematik, malah pelbagai aktiviti kolaborasi bersama agensi dalam negara dan peringkat antarabangsa juga telah dirakamkan supaya menjadi sumber rujukan di masa akan datang. Jaringan kolaborasi menerusi rentas kementerian dan agensi secara berterusan merupakan fokus utama bagi memperkukuhkan bidang sukan khususnya dalam aspek penyelidikan, pendidikan dan perkongsian strategik.

Saya yakin dengan data dan fakta yang didokumentasikan ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian ISN bukan sahaja untuk tahun ini, bahkan untuk tahun-tahun yang mendatang. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan perlulah dikekalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada semua Ahli Lembaga Institut bagi penggal ke-lima, seluruh warga kerja ISN dan pihak pemegang taruh di atas jasa, bakti serta usaha anda sehingga ISN masih mampu berada di landasan yang membanggakan walaupun diuji dengan pelbagai cabaran dalam kekangan pandemik COVID-19. Tahniah dan syabas atas sumbangan dan inisiatif semua pihak dalam menyempurnakan penerbitan Laporan Tahunan ISN bagi tahun 2020 dengan harapan ia dapat dijadikan penanda aras serta rujukan dan panduan dalam membuat perancangan pada tahun berikutnya.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATO' DR. RAHMAT BIN MOHAMAD
Pengerusi Lembaga Institut



 YBHC PROF. DATO DR. RAHMAT BIN MOHAMAD
VP/DEPUTY VICE CHANCELLOR
INSTITUTE OF...

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, saya masih diberi peluang untuk menerajui kepimpinan Institut Sukan Negara sepanjang tahun 2020.

Seperti mana yang kita telah sedia maklum, tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar buat semua. Bermula awal bulan Mac 2020, negara telah dikejutkan dengan penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seluruh negara telah berkuat kuasa pada 18 Mac 2020. Ia telah memberikan kesan terhadap kehidupan seharian dan tugas di tempat kerja.

Bermula dari situ, kita telah belajar membudayakan norma baharu di mana kebanyakan tugas, aktiviti dan mesyuarat dilaksanakan secara dalam talian dan budaya pendigitalan diperluaskan bagi memastikan kelangsungan tugas dapat diteruskan.

Meskipun berdepan dengan pandemik, kita telah berjaya melaksanakan inisiatif dan aktiviti yang telah dirancang untuk tahun 2020 sehingga terhasilnya Laporan Tahunan ISN tahun 2020. Laporan ini merupakan warkah yang menyeluruh berkaitan operasi, perkhidmatan, pencapaian, kolaborasi serta perjalanan transformasi setiap bahagian dalam memberikan perkhidmatan sains, perubatan dan teknologi sukan bagi memastikan pemegang taruh terutama kita iaitu atlet negara sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Antara kejayaan ISN pada tahun ini adalah dengan penubuhan tiga buah anak syarikat dengan jumlah pemilikan ekuiti saham sebanyak 65% daripada Data Sukan Consulting Sdn. Bhd. (10%), National Sports Digital Transformation Centre Sdn. Bhd. (40%) dan Genomas Sdn. Bhd. (15%).

Apa yang lebih membanggakan adalah hasil penjaan daripada aktiviti dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Akademi Kejurulatihan Kebangsaan dan Pusat Perubatan Sukan Negara telah berjaya meraih jumlah kutipan tertinggi dan ini diikuti oleh perkhidmatan sains dan perubatan sukan, penajaan dan kontrak pada tahun 2020 yang secara keseluruhannya berjaya mengumpul hampir RM1.6 juta.

Di samping itu, ISN juga telah menjalinkan kerjasama dengan beberapa buah syarikat seperti Farmasia Sdn. Bhd., ATF Sport Sdn. Bhd., AFA Solutions Sdn. Bhd., HAFI Sdn. Bhd., Futurise Sdn. Bhd. dan SJC SOLEX Corporation (M) Sdn. Bhd.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penaja rasmi ISN bagi tahun 2020 iaitu Yakult, Etika Sdn. Bhd. menaja air mineral jenama Bleu dan minuman isotonik Gatorade, FBT menaja pakaian sukan serta ATF Sport Taping menaja *sport taping* untuk perkhidmatan perubatan sukan.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga ISN yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang padu dalam menggalas amanah yang diberikan dengan jayanya. Syabas juga ditujukan kepada sidang editorial atas usaha merakamkan setiap perjalanan dan pencapaian setiap bahagian sepanjang tahun 2020. Semoga ISN akan terus berjaya dan melakar lebih banyak kejayaan sebagai peneraju kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan ternama.

Sekian, terima kasih.

AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI
Ketua Pegawai Eksekutif



W OUR

IG

FAEDZAL

ISN

ISN

MAKLUMAT KORPORAT ISN

VISI

MEMIMPIN KECEMERLANGAN DALAM SAINS, PERUBATAN DAN TEKNOLOGI SUKAN


MISI

UNTUK MEMACU EKOSISTEM PRESTASI SUKAN BERSEPADU BERTARAF DUNIA KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN YANG MAMPAN

MOTO

BEYOND PERFORMANCE

CARTA ORGANISASI



FUNGSI ISN

Merumuskan, mengesyorkan dan mengkaji semula kaedah dan langkah saintifik yang meningkatkan prestasi atlet

Menyediakan perkhidmatan saintifik, nasihat, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan dalam sains sukan dan perubatan sukan

Menyediakan dan menjalankan pemeriksaan dan rawatan perubatan yang perlu untuk ahli sukan

Mengumpulkan, menguruskan dan menyebarkan maklumat dan menyenggara rekod mengenai perkara yang berhubungan dengan aspek saintifik prestasi atlet

Melakukan apa-apa benda lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya

1

Menasihati Menteri mengenai perkara yang berkaitan dengan aspek saintifik berhubung dengan prestasi atlet

2

3

Bekerjasama dengan entiti Kerajaan, institusi pengajian tinggi awam atau swasta, badan sukan atau organisasi dalam program untuk mengenal pasti atlet yang berpotensi untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan

4

5

Mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan mana-mana orang, badan atau organisasi yang terlibat dalam pembangunan sains sukan dan perubatan sukan, di dalam dan di luar Malaysia

6

7

Menjadi pusat maklumat, pusat sumber dan pusat rujukan bagi sains sukan dan perubatan sukan

8

9

Menjalankan dan menyelaraskan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam bidang sains sukan, perubatan sukan dan bidang lain yang difikirkannya perlu.

10

Sumber :
Akta Institut Sukan Negara 2011 (Akta729)

LATAR BELAKANG ISN

Institut Sukan Negara Malaysia (ISN) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Belia dan Sukan diberi mandat untuk memacu kecemerlangan dalam pembangunan dan kemajuan sains sukan, sains perubatan dan teknologi sukan. ISN menyediakan perkhidmatan sains dan perubatan sukan kepada atlet terbaik di Malaysia dari peringkat akar umbi sehingga ke peringkat elit. ISN berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang sains sukan, perubatan sukan dan teknologi sukan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi atlet elit.

Untuk perancangan terperinci jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang, Pelan Strategik V30 ISN 2020 – 2030 telah diwujudkan. Ia adalah rangka tindakan dasar utama yang akan memandu pelaksanaan aktiviti, projek dan program ISN untuk tempoh sepuluh (10) tahun.

V30 disediakan melalui rundingan menyeluruh dengan pihak yang berkepentingan iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Majlis Sukan Negara, Persatuan Sukan Kebangsaan, Majlis Olimpik Malaysia dan Majlis Paralimpik Malaysia, yang telah berkongsi dan menyumbang kepada Visi ISN iaitu untuk menentukan arah masa depan Institut yang lebih jelas dan membolehkan lebih ramai atlet Malaysia memenangi pingat di pentas dunia.

PELAN STRATEGIK



Pelan Strategik Institut Sukan Negara (2020-2030) atau dikenali sebagai V30 merupakan satu pelan tindakan dasar yang membimbing pelaksanaan aktiviti, projek dan program ISN dalam tempoh 10 tahun akan datang.

TERAS STRATEGIK V30

MEMACU KECEMERLANGAN DALAM SAINS, PERUBATAN DAN TEKNOLOGI SUKAN

- PERKHIDMATAN SAINS SUKAN BERSEPADU**
Meningkatkan prestasi sukan menerusi sains sukan bersepadu berasaskan bukti dan kepakaran terkini
- MENINGKATKAN KUALITI PERSEKITARAN PENJAGAAN SUKAN**
Meningkatkan penjagaan sukan berprestasi tinggi ke arah mengoptimumkan persediaan atlet
- PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI**
Mengoptimumkan prestasi sukan serta kesejahteraan melalui penyelidikan, inovasi yang berkesan dan berimpak tinggi
- MEMPERKASA KECEMERLANGAN KEJURULATIHAN**
Membangunkan budaya dan sistem kejurulatihan bertaraf dunia yang mampan
- PENJANAAN NILAI**
Transformasi daripada berpusatkan kos ke keuntungan melalui inisiatif pengkomersialan terkini dan bersifat strategik
- MEMPRAKTIKKAN GAYA TADBIR URUS YANG TERBAIK**
Memperkukuhkan tadbir urus dan pengurusan kewangan



CABARAN STRATEGIK UTAMA

1. PENINGKATAN PERMINTAAN

Peningkatan daya saing dalam pertandingan sukan telah menyebabkan permintaan yang tinggi terhadap perkhidmatan sains sukan ke atas individu. Penambahan acara dan kategori yang berlaku terhadap acara tumpuan, serta peningkatan fokus terhadap pertambahan bilangan acara sukan program elit di peringkat kebangsaan membawa kepada permintaan baharu dan telah memberi kesan kepada kapasiti perkhidmatan Institut.

- Pertumbuhan permintaan mengatasi pertumbuhan kewangan setiap tahun
- Tanggungjawab sosial Institut sebagai agensi awam menyebabkan kesukaran menguruskan agregat permintaan

2. PENJANAAN NILAI

Cabaran yang dihadapi adalah untuk meningkatkan kadar pertumbuhan dalaman dengan menggunakan sumber yang sama dan sedia ada, di samping perlu menguruskan peningkatan permintaan agregat setiap tahun daripada program elit.

- Kekangan keperluan sumber sedia ada, kekurangan tenaga kerja dan motivasi pekerja
- Skim gaji yang tidak fleksibel tidak separas dengan tanggungjawab memastikan pengeluaran *output* dan permintaan organisasi dipenuhi
- Cabaran menerusi mekanisma fiskal dan pengurusan strategik Institut

3. SUMBER MANUSIA

Kepakaran Institut merupakan sumber utama Institut dan memberi impak yang besar kepada pengurusan dan kedudukan institut.

- Institut ditempatkan di bawah sektor sosial dan perkhidmatan awam menyebabkan kesukaran untuk pertumbuhan jawatan kepakaran sains sukan dan teknologi
- Walaupun Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert-SME*) adalah suatu keperluan modal insan penting, ia masih tidak diberi keutamaan.
- Pertukaran staf dalam satu-satu bidang secara kerap mengakibatkan keperluan melatih serta melatih semula pegawai dan akhirnya berlaku kekurangan pakar, potensi dan pengetahuan yang terkumpul oleh Institut

4. KEWAJARAN PENYELIDIKAN

Walaupun penyelidikan dilihat sebagai salah satu fungsi utama Institut, cabaran yang masih ada adalah membezakan penyelidikan akademik daripada penyelidikan translasi dalam bidang perubatan sukan, penyelidikan gunaan dalam sains sukan dan teknologi, di mana mempunyai impak terhadap prestasi atlet dan / atau potensi pengkomersialan yang termaktub dalam Akta ISN.

- Pemindahan pengetahuan penyelidikan menerusi latihan praktikal dan aplikasi kepada atlet
- Pembangunan kaedah, alat peranti atau alat yang membantu melatih dan / atau meningkatkan prestasi atlet
- Kelancaran antara penyelidikan dan pembangunan yang menyumbang kepada pengkomersialan
- Hasil pengeluaran yang mempunyai saranan nilai kepada Institut

5. DATA RAYA (BIG DATA)

Institut mempunyai akses yang meluas seperti yang termaktub di dalam Akta untuk pengumpulan data sebagai pusat data. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dan cabaran yang perlu ditangani sebelum merealisasikan pemusatan data atau *Big Data* dengan potensi yang sedia ada.

- Limitasi integrasi data
- Kemahiran dalam penyelesaian pengurusan data
- Kadar transformasi data, maklumat dan kesahihan data

6. MEMENUHI EKSPEKTASI

Transformasi sektor awam yang merangkumi badan berkanun persekutuan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) telah memberikan ekspektasi besar yang baharu daripada pihak berkepentingan dan juga orang awam dari segi perkhidmatan dan prestasi Institut.

- Pengukuran proses yang ketinggalan zaman
- Tentangan terhadap perubahan
- Kekangan dari sudut legasi dan sejarah.



Imbas kod QR untuk muat turun atau klik pada pautan laman sesawang.
<https://cloud.isn.gov.my/index.php/s/iCEnApzxQRT3NTC#pdfviewer>

UNDANG-UNDANG PENUBUHAN ISN

1

AKTA 2011 INSTITUT SUKAN NEGARA (AKTA 729)

2

AKTA 1997 PEMBANGUNAN SUKAN (AKTA 576)

3

PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

4

DASAR SUKAN NEGARA 2009

5

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN (PINDAAN) 2018 (AKTA A1570)

PENCAPAIAN PRESTASI PROGRAM / AKTIVITI / PROJEK

1. Pengiktirafan ISN Sebagai Pusat Kecemerlangan Perubatan AFC (Dewan Perdana ISN, 16 Januari 2020)

Institut Sukan Negara (ISN) telah menerima pengiktirafan daripada *Asian Football Confederation* (AFC) sebagai Pusat Kecemerlangan Perubatan AFC seterusnya mengekalkan momentum kerjasama bersama Konfederasi Bola Sepak Asia dalam bidang perubatan sukan dengan memberikan perkhidmatan yang optimum dalam memperluaskan skop dan akses kepada pemain bola sepak di rantau Asia bagi mendapatkan penjagaan dan rawatan bertaraf dunia dan seterusnya komited dalam usaha melonjakkan prestasi dan imej Kementerian Belia dan Sukan Malaysia di pentas sukan antarabangsa.

2. Pelancaran Basikal (Trek) bagi Sukan Olimpik Tokyo 2020 (Dewan Perdana ISN, 9 Mac 2020)

Projek Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) Sukan Berbasikal (Trek) merupakan projek bersama di antara Institut Sukan Negara (ISN) dan TotalSim selama 4 tahun dalam pembangunan teknologi dan peralatan sukan bagi kegunaan atlet Sukan Berbasikal (Trek) semasa Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Dapatan penyelidikan dijangka akan membantu atlet berbasikal dalam menghasilkan daya yang maksimum (*maximum power*) dan *aerodynamic drag* yang minimum. Pengurangan *aerodynamic drag* merupakan salah satu faktor besar yang menentukan kemenangan semasa perlumbaan.

Hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) ketika ini iaitu basikal WX-R, *skinsuit*, *wheel* dan lain-lain telah didaftarkan dan diluluskan oleh badan berbasikal dunia iaitu *Union Cycliste Internationale* (UCI) untuk digunakan semasa Sukan Olimpik 2020. Teknologi ini telah pun digunakan oleh atlet semasa kejohanan dunia di Berlin, Jerman pada Mac 2020 baru-baru ini di mana atlet berbasikal negara, Azizulhasni Awang telah memenangi pingat gangsa di dalam acara keirin dan pecut.

3. Perkhidmatan ISN Dalam Program *Road To Tokyo* (RTT) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan

Langkah proaktif yang diambil oleh Institut Sukan Negara sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan adalah dengan membantu atlet kebangsaan untuk mengekalkan tahap kecergasan dan motivasi mereka. Ini termasuk menstruktur semula program latihan jangka pendek dan sederhana, menggunakan perisian atas talian untuk memuat naik program latihan yang diubah suai serta memantau pelaksanaannya, memaksimumkan penggunaan *wearable devices* seperti *smart watch* dan *smart phone* bagi memudahkan pemantauan tahap kecergasan atlet (berpandukan *physical activity heart rate, heart rate variability, steps count, berat badan* dan sebagainya) dan menggalakkan atlet untuk sentiasa merekod status kesihatan harian melalui *wellness questionnaire* menggunakan platform *Athlete Management System* (AMS) bagi memastikan pegawai dapat memantau impak kesihatan atlet terhadap latihan yang dilakukan di rumah.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), satu program latihan telah diadakan khas buat atlet-atlet Program *Road to Tokyo* (RTT) pada 1 hingga 30 Jun 2020. Pihak Institut Sukan Negara telah menempatkan pasukan sains dan perubatan sukan iaitu di Kompleks Sukan Bukit Jalil, Akademi Badminton Malaysia Bukit Kiara dan Kompleks Pelayaran Langkawi. Bagi memastikan penerapan elemen sukan berprestasi tinggi dapat dilaksanakan dengan amalan praktikal terbaik dan berinovasi menerusi program pembangunan sains dan perubatan sukan, Institut Sukan Negara telah memberikan khidmat sokongan terbaik kepada atlet elit dalam memastikan atlet berada pada prestasi puncak bagi menghadapi pertandingan di peringkat antarabangsa iaitu melalui khidmat sains dan perubatan sukan seperti suaian fizikal, biomekanik sukan, analisis prestasi sukan, pemakanan sukan, psikologi sukan, perubatan, fisioterapi, dan urutan sukan.

Penekanan ISN turut memberi fokus bagi memurnikan program latihan serta merancang semula pelan periodisasi atlet secara spesifik kepada individu dan sukan bagi menetapkan semula objektif program jangka sederhana dan panjang. Program periodisasi latihan terbahagi kepada beberapa kitaran bermula dengan *general preparation period, specific preparation period* dan *competition period* – bagi membolehkan atlet mencapai *peak performance* pada waktu yang diperlukan.

4. INISIATIF NORMA BAHARU

Semasa tempoh PKP juga, ISN telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan *face shield* dan *adjustable face mask extender* untuk petugas barisan hadapan bagi memerangi wabak COVID-19. Ianya direka khas oleh pakar teknologi ISN dengan menggunakan perisian *Solidworks* dan dicetak

dengan menggunakan material *Acrylonitrile Butadiene Styrene* (ABS) dan mesin pencetak 3D. Sejumlah 500 *face shield* dan *adjustable face mask extender* telah diagihkan kepada petugas-petugas Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN) dan juga kepada hospital dan klinik kesihatan melalui sebuah badan NGO iaitu *IMAM Response & Relief Team* (IMARET).

Sepanjang bulan Ramadan, ISN turut serta dalam memperkasakan kempen kesedaran awam bertajuk #FitRamadan. Kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran kesihatan dan latihan sukan kepada atlet serta masyarakat umum. ISN telah menyediakan pelbagai tips berguna seperti pemakanan sihat di bulan Ramadan, kawalan tahap hidrasi di bulan Ramadan; dan dikongsikan menerusi saluran media sosial ISN seperti *Twitter, Facebook* dan *Instagram* bertujuan untuk orang awam kekal aktif dan cergas sepanjang bulan Ramadan.

ISN turut memperkenalkan sesi webinar kepada penganjur sukan akar umbi untuk menyahut agenda Kerajaan di bawah Pembelajaran Sepanjang Hayat atau PSH. Di ISN, webinar yang dilaksanakan adalah berkaitan sains, perubatan, teknologi dan kejurulatihan sukan. Bagi tahun 2020, sebanyak 23 sesi webinar yang merangkumi seramai 935 orang peserta telah dilaksanakan. Objektif program webinar ini diadakan adalah untuk berkongsi *input-input* pengetahuan kepada atlet, jurulatih dan masyarakat umum berdasarkan keperluan semasa serta berkongsi pelbagai pengetahuan. Antara program yang dilaksanakan adalah webinar *Lecture Series* dan Program Kejurulatihan Sukan dengan penglibatan penceramah-penceramah jemputan terdiri daripada pakar-pakar dari dalam dan luar negara.

5. ISN *INSPIRE* (Dewan Perdana ISN, 18 September 2020)

Program ISN *Inspire* diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-9 ISN pada tahun 2020. Penganjuran program ini melibatkan pemegang taruh, rakan strategik ISN, syarikat subsidiari ISN, universiti awam dan institut pengajian tinggi swasta serta pihak media. Pelaksanaan program ini dilihat akan memberikan impak positif dalam aspek penjenamaan, promosi dan publisiti serta peluang penajaan pendapatan bagi ISN.

- i) Program ini melancarkan Pelan Strategik ISN 2030 (V30) dengan enam (6) bidang teras utama iaitu:
- Perkhidmatan Sains Sukan Bersepadu;
 - Meningkatkan Kualiti Persekitaran Penjagaan Sukan;
 - Penyelidikan dan Inovasi Berimpak Tinggi;
 - Memperkasa Kecemerlangan Kejurulatihan;
 - Penajaan Nilai; dan
 - Mempraktikkan Gaya Tadbir Urus yang Terbaik.

- ii) Memperkukuh inisiatif kolaborasi bersama institusi pengajian tinggi dalam bidang berkaitan sains sukan, perubatan sukan dan teknologi sukan melalui memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Islam Antarabangsa, Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.
- **Universiti Islam Antarabangsa (UIA)**
Perubatan sukan dan penyelidikan klinikal bagi pembangunan sukan hab Pantai Timur;
 - **Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM)**
Perkhidmatan penjagaan sukan dan penyelidikan klinikal bagi pembangunan sukan sektor Lembah Klang;
 - **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
Menguatkan, menggalakkan dan membangunkan bidang perkhidmatan dan penyelidikan dalam bidang sains sukan terutama dalam kecergasan, prestasi sukan, dan kesihatan umum; dan
 - **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
Menggalakkan dan membangunkan bidang perkhidmatan dan penyelidikan bagi kemajuan dalam sains, perubatan dan teknologi sukan.
- iii) Memperhebat program awam-swasta antara ISN dengan syarikat-syarikat swasta melalui inisiatif pengkomersialan, kolaborasi dan penajaan dalam menjana sumber pendapatan baharu buat ISN;
- Majlis pertukaran perjanjian bersama Yakult (M) Sdn. Bhd. dan Futurise Sdn. Bhd.
 - Sesi memperkenalkan Rakan Strategik ISN & Anak Syarikat ISN iaitu National Sports Digital Transformation Center Sdn. Bhd., Genomas Sdn. Bhd. dan Data Sukan Consulting Sdn. Bhd.
 - Rakan Rasmi ISN iaitu Etika, Yakult dan ATF Sport.
 - Rakan Perniagaan ISN iaitu Universal Fitness & Leisure, SJC Solex, ReGen, Farmasia, Hajjah Aminah Food Industries, AFA, Mediscreen dan SelCare.
- iv) ISN juga turut memperkenalkan secara rasminya jenama 'PERFORM' sebagai hab pengetahuan (*knowledge hub*) ISN. Selaras dengan peranan ISN sebagai pusat rujukan bagi sains, perubatan dan teknologi sukan, satu portal khas telah diwujudkan sebagai hab penyebaran maklumat secara bersepadu berkaitan dapatan-dapatan kajian terkini berkaitan sukan. Ianya sebagai lembaran baharu dalam arus pembangunan sukan negara sebagai pusat rujukan utama berkaitan bidang sukan. Melalui hab perkongsian ilmiah ini, dapat memberikan *input* yang berguna kepada penggiat-penggiat sukan dalam merumuskan strategi terbaik demi kemajuan sukan berprestasi tinggi dari masa ke masa.
- v) ISN juga turut memperkenalkan inisiatif program *Women Can Coach* di bawah seliaan Akademi Kejurulatihan Kebangsaan ISN. Ia satu program khas bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang kejurulatihan melalui seminar dan kursus khas untuk kumpulan ini.
- vi) ISN turut memperkenalkan jenama FitMalaysia X sebagai jenama Program Kecergasan kelolaan ISN. FitMalaysia X merupakan program khas bagi meningkat kesedaran, kecergasan, tahap kesihatan dan gaya hidup dalam kalangan rakyat dengan memfokuskan sektor-sektor korporat, agensi kerajaan dan orang awam.
- vii) Pelancaran lagu rasmi ISN bertajuk 'Demi ISN'.

6. Bengkel Pelan Bakat Sukan Kebangsaan 2020 (Bangi Resort Hotel, 5 Oktober 2020)

Objektif utama Pelan Bakat Sukan Kebangsaan adalah bagi memastikan kelestarian dan kesinambungan bakat sukan di dalam ekosistem pembangunan sukan kebangsaan mengikut inisiatif rentas Kementerian, sektor swasta dan pemegang taruh berkaitan seperti Persatuan Sukan Kebangsaan. Bengkel Pelan Bakat Sukan Kebangsaan akan membentuk *MyTalent Plan (Malaysia Talent Plan / Pelan Bakat Malaysia)* untuk 10 tahun (2021-2030) yang diilhamkan bersama agar menjadi rujukan dan polisi pelan bakat sukan negara yang berkesan.

7. International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition) (Dewan Perdana ISN, 4 & 5 November 2020)

Persidangan ini dianjurkan oleh ISN sebagai perkongsian ilmu pengetahuan serta hasil kajian dan penyelidikan dalam sains, perubatan dan teknologi sukan dengan tema pada tahun ini "*Beyond Performance: Adapting to the New Normal*" dan dirasmikan oleh YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Persidangan ini bertujuan untuk membincangkan pengetahuan dan inovasi baharu dalam dunia sukan termasuk penyelidikan dan inovasi, pendidikan, program pembangunan bakat dan penglibatan wanita dalam sukan. Ini merupakan inisiatif yang sangat baik untuk pembelajaran serta perkongsian ilmu pengetahuan berterusan semasa pandemik COVID-19. Seramai 16 penceramah antarabangsa turut menjayakan persidangan ini antaranya Australia (5), United Kingdom (5), Kanada (1), Jerman (1), China (1), Qatar (1), Jepun (1) dan Singapura (1).

Para peserta program ini terdiri daripada pakar saintis, penyelidik, atlet, jurulatih, pelajar serta golongan profesional dari seluruh dunia dan bilangannya melebihi 2,000 penyertaan. Pandemik COVID-19 telah mengubah cara penganjuran dengan pertemuan bersemuka kepada secara dalam talian melalui norma baharu.

NILAI TERAS

PERFORM

PASSION EFFICIENCY RESPECT FORTE OPTIMISM RESILIENCE MARVEL

PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH

1

Kementerian Belia dan Sukan

2

Majlis Sukan Negara Malaysia

3

Majlis Olimpik Malaysia /
Majlis Paralimpik Malaysia

4

Atlet / Jurulatih / Pegawai

5

Persatuan Sukan Kebangsaan

6

Majlis Sukan Negeri /
Persatuan Sukan Negeri

7

Institusi / Agensi Sukan Antarabangsa

8

Universiti Awam / Institut Pengajian Tinggi Swasta

9

Syarikat Berkaitan Kerajaan / Sektor Korporat

10

Organisasi Sukan Bukan Berasaskan Keuntungan

11

Agensi Pusat dan Kerajaan

LAGU RASMI ISN

Lirik : Murshaidi Hazlin bin Mohamad
Lagu : Murshaidi Hazlin bin Mohamad
Komposer : Murshaidi Hazlin bin Mohamad

DEMI ISN

Verse 1:

Walau ribut datang melanda
Walau panas terus membara
Namun kakiku inikan
terus melangkah

Verse 2:

Walau jalan semakin sukar
Walau aral semakin mencabar
Namun berputus asa
Bukanlah cara kita

Bridge:

Kerna niat yang suci
Yang tersemat di dada
Kerna tekad di hati
Bergemuruh di jiwa

Chorus:

Kami akan terus melangkah
Kami akan terus berdiri
Kami akan terus bersatu
Berganding bahu dengan harmoni (2X)
Semua untuk Institut Sukan Negara
Demi kemajuan sukan Malaysia (2X)
Demi kemajuan sukan Malaysia (2X)



Imbas kod QR untuk lagu rasmi ISN

<https://www.youtube.com/watch?v=QOAhLZ3ldIM>

INSTITUT SUKAN NEGARA
MALAYSIA

WHERE SPORT MEETS SCIENCE



AHLI LEMBAGA INSTITUT

MESYUARAT LEMBAGA INSTITUT PENGAL KE-5 (2019-2021)

BILANGAN 1 (1/2020)

6 JANUARI 2020

BILANGAN 2 (2/2020)

30 APRIL 2020

BILANGAN 3 (3/2020)

21 SEPTEMBER 2020

BILANGAN 4 (4/2020)

15 DISEMBER 2020

STATISTIK KEHADIRAN MESYUARAT PENGAL KE-5 (2019-2021)

NAMA	BILANGAN 1 (1/2020)	BILANGAN 2 (2/2020)	BILANGAN 3 (3/2020)	BILANGAN 4 (4/2020)
Prof. Dato' Dr. Rahmat bin Mohamad	√	√	√	√
Datuk M Noor Azman bin Taib	√	√	x	√
Ahmad Faedzal bin Md Ramli	√	√	√	√
Hairul bin Abdul Hamid	Belum dilantik	√	√	√
Datuk Dr. Haji Rohaizat bin Haji Yon	√	√	x	√
Datin Noorazah binti Omar	Belum dilantik	Belum dilantik	Belum dilantik	√
Zainal bin Abas	x	√	√	√
Dato' Haji Ahmad Shapawi bin Ismail	x	x	√	√
Tan Sri Dato' Seri Mohamad Noor bin Abdul Rahim	Belum dilantik	√	√	√
Prof. Dato' Dr. Shamala a/p K. Subramaniam	√	√	√	√
Haji Ali Hassan bin Mohd Hassan	√	x	√	√
Prof. Madya Dr. Kok Lian Yee	√	√	√	√
Amiruddin bin Abdul Shukor	√	√	√	√
Prof. Ir. Dr. Jamaluddin bin Mahmud	√	√	√	√
JUMLAH KEHADIRAN	9/11	11/13	11/13	14/14



Prof. Dato' Dr. Rahmat bin Mohamad

Pengerusi Lembaga Institut
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Umur **60**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau menerajui pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) Universiti Teknologi MARA (UiTM) sejak Ogos 2018 hingga kini.

Beliau memulakan kerjayanya dalam bidang akademik sebagai pensyarah undang-undang pada tahun 1986 di Institut Teknologi MARA ketika itu.

Ketokohan beliau dalam bidang perundangan, diplomatik dan perundingan diperakui oleh Pertubuhan Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika pada tahun 2008 di mana beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung selama dua (2) penggal.



Datuk M Noor Azman bin Taib

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Umur **49**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 24 tahun dengan jawatan yang pertama sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pengangkutan.

Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) di Kementerian Wilayah Persekutuan. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan pada 10 Ogos 2020.



Ahmad Faedzal bin Md Ramli

Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Sukan Negara

Umur **42**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau telah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) sejak tahun 2004.

Beliau pernah berkhidmat di beberapa agensi pusat (Unit Perancangan Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Awam), kementerian dan agensi.

Berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sukan serta pembentukan polisi dan perancangan strategik. Beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Agung di Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) selama lima (5) tahun.

Selain itu, beliau juga pernah mewakili Negeri Sembilan untuk sukan bola sepak dalam saingan Piala Emas Raja-Raja antara tahun 2001 hingga 2003.



Hairul bin Abdul Hamid

Ketua Seksyen Koordinasi Khas
Kementerian Kewangan Malaysia

Umur **44**
Tarikh Lantikan **9 Januari 2020**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Berpengetahuan luas dalam bidang kewangan, pembangunan sumber manusia dan pentadbiran awam.

Beliau mula berkhidmat sebagai penjawat awam bermula tahun 2001 dan telah berkhidmat di Kementerian Kewangan Malaysia sejak tahun 2016.



Datuk Dr. Hj. Rohaizat bin Hj. Yon

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Umur **60**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **31 Disember 2020**

Beliau merupakan Pakar Perubatan Kesihatan Awam. Beliau juga merupakan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan telah berkhidmat lebih 35 tahun di pelbagai peringkat KKM. Beliau berpengalaman luas dalam bidang kesihatan awam, perancangan kesihatan dan pengurusan hospital dengan pengkhususan pengurusan kesihatan, ekonomi kesihatan dan pembiayaan kesihatan.

Beliau lebih dikenali sebagai Panglima Perang KKM atau Panglima COVID-19 telah terlibat secara langsung dalam menangani pandemik COVID-19 sejak gelombang pertama sehingga beliau bersara wajib pada Jun 2020. Beliau telah dilantik semula oleh Kerajaan untuk bertugas kembali memegang jawatan yang sama sehingga Disember 2020 bagi membantu KKM meneruskan perjuangan menangani pandemik yang sedang melanda.



Datin Noorazah binti Omar

Setiasaha Bahagian Hubungan Antarabangsa
Kementerian Pengajian Tinggi

Umur **50**
Tarikh Lantikan **6 Oktober 2020**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Berlatar belakangkan pendidikan dalam jurusan mikrobiologi dari Universiti Malaya dan pentadbiran perniagaan dari Universiti Utara Malaysia. Beliau berpengalaman luas dalam hal ehwal Perkhidmatan Awam terutama dalam bidang hubungan antarabangsa dan pembangunan.

Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam di pelbagai kementerian dan badan kerajaan semenjak tahun 1996. Beliau berkhidmat di Kementerian Pengajian Tinggi sejak tahun 2020. Beliau juga terlibat dan berpengalaman dalam mengendalikan program-program antarabangsa di peringkat ASEAN, Asia-Pasifik dan UNESCO.

Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Wanita Dalam Sukan 2021-2023, Kementerian Belia dan Sukan dan turut diberi kepercayaan dalam PUSPANITA Kebangsaan apabila dilantik sebagai Setiausaha Eksekutif pada tahun 2007 sehingga 2009.



Zainal bin Abas

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Umur **53**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau pernah berkhidmat selama tiga (3) tahun sebagai Ketua Jurulatih Olahraga Kebangsaan dan merupakan 'orang penting' dalam melahirkan atlet-atlet olahraga, khususnya dalam acara lompat jauh dan lompat kijang di peringkat akar umbi.

Berpengalaman luas dalam bidang kejurulatihan sukan, beliau mula mengendalikan skuad pelapis kebangsaan sejak tahun 1996. Di peringkat antarabangsa, beliau merupakan seorang pensyarah kejurulatihan bagi *World Athletics*, jawatan yang disandanginya semenjak tahun 2013 sehingga sekarang.

Sebagai pensyarah kejurulatihan, beliau bertanggungjawab mengendali kursus-kursus kejurulatihan olahraga di seluruh Asia bagi melahirkan jurulatih-jurulatih baharu dalam sukan olahraga.



Dato' Haji Ahmad Shapawi bin Ismail

Ketua Pengarah
Majlis Sukan Negara Malaysia

Umur **57**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Sukan dari *University of the West of England*. Beliau mula menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara bermula dari tahun 2014.

Beliau mempunyai kepakaran dalam pentadbiran sukan dan agensi kerajaan di mana sebelum ini beliau pernah memegang portfolio sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Sukan Negara (ISN) (2012 – 2013) dan Pesuruhjaya Sukan (PJS) (2013 – 2014).

Beliau juga berpengalaman luas dalam pembangunan sukan prestasi tinggi khususnya program-program persediaan atlet ke temasya-temasya sukan utama dan juga pembangunan sukan di peringkat negeri.



Tan Sri Dato' Seri Mohamad Noor bin Abdul Rahim

Naib Presiden
Majlis Olimpik Malaysia

Umur **75**
Tarikh Lantikan **9 Januari 2020**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau mula menyertai perkhidmatan awam pada tahun 1968 dan telah berkhidmat selama 33 tahun.

Jawatan terakhir beliau dalam perkhidmatan awam adalah sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1998 hingga 2000.

Beliau sangat berpengetahuan dan berpengalaman dalam memimpin pelbagai persatuan / pertubuhan sukan di peringkat daerah, negeri dan persekutuan.

Beliau juga merupakan Presiden *Asian Boules Sports Confederation*.



Prof. Dato' Dr. Shamala a/p K. Subramaniam

Profesor
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Putra Malaysia

Umur **47**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau berkhidmat di Universiti Putra Malaysia sejak tahun 2003 dan memainkan peranan penting dalam sukan hoki wanita negara.

Berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran sukan, beliau merupakan profesor dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat.

Beliau dan pasukannya juga turut terlibat dalam pembangunan sistem pengurusan untuk kegunaan di sesuatu kejohanan sukan.



Haji Ali Hassan bin Mohd Hassan

Pengerusi Al-Ikhsan
Al-Ikhsan Sports Sdn. Bhd.

Umur **50**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau merupakan pengasas Syarikat Al-Ikhsan, sebuah syarikat yang menyediakan kedai pakaian dan kelengkapan sukan.

Berpengalaman luas dalam bidang perniagaan selama 25 tahun, terkini butik Al-Ikhsan mempunyai lebih 140 buah cawangan di seluruh Malaysia.



Prof. Madya Dr. Kok Lian Yee

Pensyarah
Fakulti Sains Gunaan
Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman

Umur **58**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau berpengalaman luas dalam bidang sains sukan, kejurulatihan dan penyelidikan sukan.

Beliau pernah bertanding dalam pelbagai sukan dan mewakili negara semasa Kejohanan Bola Jaring Asia yang pertama di mana Malaysia menjadi johan.

Beliau merupakan jurulatih bola jaring Malaysia dari tahun 1999 hingga 2002 dan telah membantu pasukan Malaysia mencapai *ranking* Kejohanan Dunia yang terbaik serta merangkul pingat emas yang pertama bagi sukan bola jaring di temasya Sukan SEA 2001 Kuala Lumpur.



Amiruddin bin Abdul Shukor

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysian Global Innovation & Creativity Centre
(MaGIC)

Umur **51**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau berpengalaman luas dalam bidang pengurusan, kewangan dan audit serta merupakan Akauntan Berkanun.

Memulakan kerjaya di MaGIC pada tahun 2015 dan kini setelah enam (6) tahun berkhidmat, beliau memegang jawatan sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif.

Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit untuk Pelaburan MARA Berhad dan juga mantan Ketua Pegawai Kewangan Nationwide Express Courier Services Berhad.



Prof. Ir. Dr. Jamaluddin bin Mahmud

Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Umur **48**
Tarikh Lantikan **27 November 2019**
Tarikh Akhir Lantikan **30 September 2021**

Beliau merupakan Jurutera Profesional (Mekanikal) yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan berpendidikan ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Cardiff.

Setelah berkhidmat di industri untuk beberapa tahun, beliau berkhidmat di Universiti Teknologi MARA (UiTM) sejak tahun 2001.

Berdasarkan pengalaman dan kepakaran, beliau telah dilantik menjadi Panel Penilai, Penceramah Utama, Penyelidik Pelawat, Perunding dan terlibat dalam pelbagai jawatankuasa teknikal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

TADBIR URUS KORPORAT

Teras strategik keenam pada V30 adalah mempraktikkan gaya tadbir urus yang terbaik melalui penekanan memperkukuhkan tadbir urus dan pengurusan kewangan.

LEMBAGA INSTITUT

Akta Institut Sukan Negara 2011 (Akta 729) menetapkan bahawa keanggotaan Lembaga Institut tidak melebihi 14 orang ahli yang terdiri daripada:

- i. Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- ii. Ketua Pegawai Eksekutif;
- iii. Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sukan atau wakilnya;
- iv. Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan atau wakilnya;
- v. Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kesihatan atau wakilnya;
- vi. Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengajian tinggi atau wakilnya;
- vii. Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelajaran atau wakilnya;
- viii. Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara Malaysia atau wakilnya;
- ix. Presiden Majlis Olimpik Malaysia atau wakilnya;
- x. Tidak lebih daripada lima orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri, yang pada pendapat Menteri, mempunyai kemahiran khas, pengalaman, kelayakan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan sains sukan dan perubatan sukan.

Berdasarkan Seksyen 17(1) (Akta 729), Institut boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

Empat jawatankuasa ditubuhkan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 dan Seksyen 17(1), Akta 729 seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Audit (JKA) ISN
- ii. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Pelaburan ISN
- iii. Jawatankuasa Governans Anak Syarikat ISN
- iv. Jawatankuasa Penggubalan Peraturan-Peraturan Di Bawah Akta ISN 2011 (Akta 729)

JAWATANKUASA AUDIT (JKA) ISN

Jawatankuasa Audit (JKA) ISN ditubuhkan berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998, Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan melalui resolusi Lembaga Institut. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan iaitu Penubuhan Jawatankuasa Audit di Peringkat Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Negeri (PS 3.2) juga menerangkan kepentingan jawatankuasa ini di agensi.

Jawatankuasa boleh dianggotai antara tiga hingga lima orang ahli yang terdiri daripada:

- i. Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Pengerusi Lembaga Institut;
- ii. Ahli Lembaga Institut wakil Majlis Olimpik Malaysia;
- iii. Ahli Lembaga Institut wakil Kementerian Kewangan Malaysia;
- iv. Wakil daripada Ahli Lembaga Institut;
- v. Dua orang wakil bebas daripada Ahli Lembaga Institut;
- vi. Ketua Unit Audit Dalam ISN dilantik sebagai Setiausaha.

Antara tugas dan tanggungjawab JKA ISN adalah:

- i. Mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan serta penyelarasan di antara juruaudit dalam dan luar.
- ii. Memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil oleh pihak pengurusan (auditi) supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.
- iii. Mengkaji laporan daripada juruaudit dalam dan luar dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Ahli Lembaga Institut.

- iv. Mengkaji dan menasihati Ahli Lembaga Institut berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan.
- v. Memastikan pelaksanaan penambahbaikan pengurusan kewangan Institut yang berterusan bagi tujuan mencapai prestasi cemerlang dalam Penarafan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan oleh Jabatan Audit Negara.
- vi. Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Ahli Lembaga Institut dari semasa ke semasa.
- vii. Meluluskan Rancangan Audit Tahunan untuk Unit Audit Dalam ISN bergerak menjalankan program pengauditannya bagi tempoh setahun.
- viii. Mengkaji penyata kewangan akhir tahun ISN sebelum ia dibentangkan kepada Ahli Lembaga Institut dengan memberi tumpuan, khususnya kepada:
 - Sebarang perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan.
 - Pelarasan penting yang timbul daripada audit.
 - Andaian operasi yang berterusan.
 - Pematuhan kepada piawai perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan.
 - Perkara-perkara penting yang diketengahkan termasuk isu-isu laporan kewangan, pertimbangan penting yang dibuat oleh pihak pengurusan, peristiwa atau transaksi yang penting dan luar biasa, dan bagaimana perkara-perkara ini ditangani.
- ix. Bertanggungjawab mengkaji Rancangan Tahunan yang disediakan oleh Unit Audit Dalam dan membuat cadangan skop pengauditan dan tumpuan audit sekiranya ada, sebelum diluluskan oleh Lembaga Institut.
- x. Bertanggungjawab memastikan tidak dapat sekatan atau batasan yang tidak wajar yang boleh menjejaskan pelaksanaan audit dalam dan Unit Audit Dalam.

JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN PELABURAN (JPKP) ISN

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Pelaburan (JPKP) ISN ditubuhkan berdasarkan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998, Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan melalui resolusi Lembaga Institut.

Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada:

- i. Ketua Pegawai Eksekutif ISN sebagai Pengerusi
- ii. Ahli Lembaga Institut wakil Kementerian Kewangan Malaysia
- iii. Semua Pengarah Bahagian
- iv. Ketua atau pegawai Unit Audit Dalam
- v. Ketua atau pegawai Unit Integriti
- vi. Akauntan atau pegawai perakaunan
- vii. Pegawai-pegawai lain yang dilantik oleh Pengerusi
- viii. Pengarah / Ketua Kewangan ISN sebagai Setiausaha

Objektif JPKP ISN

- i. Menasihati Lembaga Institut dalam aktiviti kewangan dan pelaburan ISN.
- ii. Melaksanakan tanggungjawab meneliti, merancang dan menilai kedudukan kewangan ISN.
- iii. Memberi pandangan mengenai langkah-langkah penjanaaan dana, pengurusan dan pelaburan kewangan.
- iv. Menetapkan dasar-dasar perbelanjaan berhema ISN.

Tugas dan tanggungjawab JPKP ISN merangkumi pengurusan bajet, pengurusan perakaunan, pengurusan perolehan, surcaj, prestasi perbelanjaan peruntukan dan pengurusan pelaburan.

JAWATANKUASA GOVERNANS ANAK SYARIKAT ISN

Jawatankuasa Governans Anak Syarikat ISN ditubuhkan berdasarkan Seksyen-Seksyen 6, 16, 17 dan 41 Akta Institut Sukan Negara 2011 (Akta 729). Ia ditubuhkan bagi mendapatkan punca kuasa memilih dan menamakan wakil di kalangan Ahli Lembaga Institut sebagai Ahli Lembaga Pengarah kepada syarikat di bawah Institut Sukan Negara, serta menerima dan memantau laporan berkaitan pengurusan dan perkembangan syarikat-syarikat tersebut daripada wakil yang telah dinamakan.

Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada:

- i. Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan sebagai Pengerusi
- ii. Ahli Lembaga Institut wakil Kementerian Kewangan Malaysia
- iii. Ketua Pegawai Eksekutif ISN
- iv. Pengarah / Ketua Kewangan ISN
- v. Pengarah / Ketua Pengkomersialan ISN
- vi. Peguam ISN
- vii. Ketua Korporat ISN sebagai Setiausaha

Skop, peranan dan tanggungjawab jawatankuasa adalah seperti berikut:

- i. Menasihati dan memantau governans anak syarikat ISN.
- ii. Menerima laporan operasi dan perkembangan Anak Syarikat ISN daripada wakil ISN di dalam Lembaga Syarikat secara berkala.
- iii. Memilih dan menamakan wakil ISN daripada kalangan Ahli Lembaga Institut ke Lembaga Pengarah Anak Syarikat ISN.
- iv. Menghadiri dan mewakili kepentingan saham Institut di dalam Mesyuarat Agung Anak Syarikat ISN.
- v. Mengesyorkan polisi, peraturan atau tatacara baharu kepada Lembaga Institut di dalam Pengurusan Anak Syarikat ISN.

JAWATANKUASA PENGUBALAN PERATURAN-PERATURAN DI BAWAH AKTA INSTITUT SUKAN NEGARA 2011 (AKTA 729)

Jawatankuasa Pengubalan Peraturan-Peraturan Di Bawah Akta Institut Sukan Negara 2011 ditubuhkan berdasarkan Seksyen-Seksyen 17, 24 dan 47 Akta Institut Sukan Negara 2011 (Akta 729). Objektif penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk memastikan semua urusan berhubung pengubalan peraturan-peraturan yang dimaksudkan dapat dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh individu-individu yang mempunyai kelayakan, kemahiran dan kepakaran yang tinggi selaras dengan piawaian yang ditetapkan.

Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada:

- i. Pengerusi Lembaga Institut sebagai Pengerusi
- ii. Ketua Pegawai Eksekutif ISN
- iii. Ahli Lembaga Institut wakil Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- iv. Ahli Lembaga Institut wakil Kementerian Pendidikan Malaysia
- v. Dua orang wakil daripada Ahli Lembaga Institut
- vi. Pengarah Bahagian Prestasi Sukan
- vii. Pengarah Bahagian Perubatan Sukan
- viii. Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
- ix. Pengarah Akademi Kejurulatihan Kebangsaan
- x. Pegawai-pegawai ISN / lain-lain individu yang berkelayakan
- xi. Peguam ISN sebagai Setiausaha

Skop, peranan dan tanggungjawab jawatankuasa adalah seperti berikut:

- i. Menasihati, memantau, menilai dan melapor pewujudan peraturan khususnya kepada Lembaga Institut.
- ii. Menerima, menyemak, menilai dan mempertimbang draf peraturan-peraturan yang dirangka.
- iii. Menimbang hasil / syor tentang keberkesanan draf peraturan terhadap keperluan perkhidmatan sains, perubatan dan teknologi sukan di ISN.
- iv. Menimbang dan menilai draf kertas polisi untuk pusat satelit di bawah Seksyen 24 Akta ISN.

IMBUHAN AHLI LEMBAGA INSTITUT DAN AHLI JAWATANKUASA

Ahli Lembaga Institut dan Ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa dibayar elaun kehadiran mesyuarat bagi setiap mesyuarat yang dihadiri berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 7.1. Butiran imbuhan Ahli Lembaga Institut dan Ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa adalah seperti berikut:

JENIS ELAUN	LEMBAGA (RM) / MESYUARAT	JAWATANKUASA (RM) / MESYUARAT
Mempengerusikan Mesyuarat	250.00	250.00
Kehadiran Mesyuarat	500.00	500.00

KAWALAN DALAMAN

Pelan pengurusan risiko rasuah dilaksanakan pada tahun 2020 dan ianya di bawah pemantauan Unit Integriti ISN. Di samping itu, ISN juga telah menjilidkan polisi, arahan pentadbiran dan garis panduan ISN pada tahun 2020 dan ia boleh dicapai melalui laman web rasmi ISN. Jilid pertama ini mengandungi 5 polisi, 2 arahan pentadbiran dan 17 garis panduan sebagai kawalan dalaman yang berkesan bagi mempromosi amalan tadbir urus yang baik. Senarai polisi, arahan pentadbiran dan garis panduan ISN adalah seperti berikut:


POLISI	
ISN-P-1/2019	Polisi Kelayakan dan Kos Rawatan Pesakit di Klinik Perubatan, Fisioterapi dan Rehabilitasi Sukan, Urutan Sukan dan Rujukan Kepakaran Luar, Bahagian Perubatan Sukan, Institut Sukan Negara
ISN-P-2/2019	Polisi Kelayakan dan Kos Perkhidmatan Kepakaran Sains Sukan, Bahagian Prestasi Sukan, ISN
ISN-P-3/2019	Polisi Penjanaan Pendapatan ISN
ISN-P-1/2020	Tatacara Pengurusan Kewangan dan Akaun
ISN-P-2/2020	Peraturan Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja Institut Sukan Negara
ARAHAN PENTADBIRAN	
ISN-AP-1/2019	Peraturan dan Syarat Pemberian Cuti Gantian kepada Staf Lantikan Tetap dan Kontrak Bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Pelaksana
ISN-AP-2/2019	Kod Etika Pemanduan Berhemah Institut Sukan Negara
GARIS PANDUAN	
ISN-GP-1/2019	Panduan Mengurus Staf yang Tidak Hadir Bertugas
ISN-GP-2/2019	Garis Panduan Perkhidmatan Pesakit Berbayar di Pusat Perubatan Sukan Negara
ISN-GP-3/2019	Garis Panduan Pelantikan Pembantu Penyelidik, Pegawai Penyelidik dan Felo Penyelidik di Institut Sukan Negara
ISN-GP-4/2019	Garis Panduan Harta Intelek
ISN-GP-5/2019	<i>Hand Book For ISN Research Grant (ISNRG)</i>
ISN-GP-6/2019	<i>S.O.P Research Proposal, Grant And Ethics</i>
ISN-GP-7/2019	<i>S.O.P Retrospective</i>
ISN-GP-8/2019	Prosedur Kursus Sains Sukan
ISN-GP-9/2019	Prosedur Kursus Kejurulatihan Berterusan (CCE)
ISN-GP-10/2019	Prosedur Penganjuran Kursus
ISN-GP-11/2019	Garis Panduan Tempahan Kenderaan Rasmi di Institut Sukan Negara
ISN-GP-12/2019	Garis Panduan Tuntutan Elaun Lebih Masa Tahun 2019, Institut Sukan Negara (Edisi Kedua 2019)
ISN-GP-13/2019	Garis Panduan Peraturan Mengenai Kad Kredit Korporat Institut Sukan Negara
ISN-GP-14/2019	Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN)
ISN-GP-15/2019	Garis Panduan Kemudahan Kredit Bayaran Bil Perubatan di Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN)
ISN-GP-1/2020	Garis Panduan Penggunaan Identiti Korporat ISN
ISN-GP-2/2020	Garis Panduan Mengendali Pegawai Bermasalah dan Berprestasi Rendah

PENERIMAAN & PENGGUNAAN SUMBER DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN


	2016 RM	2017 RM	2018 RM	2019 RM	2020 RM
RINGKASAN TERIMAAN GERAN KERAJAAN					
Terimaan Geran Mengurus	7,010,000	11,000,000	20,400,000	20,759,303	16,500,000
Terimaan Geran Kumpulan Wang Amanah	11,500,000	10,000,000	10,000,000	1,040,000	9,025,000
Terimaan Geran ADAMAS	2,000,000	245,000	460,308	20,000	-
Terimaan Geran Pembangunan	21,884,000	2,201,850	3,500,000	13,740,000	7,680,000
Terimaan Geran PODIUM	70,400,000	66,266,050	50,473,000	-	-
Jumlah Terimaan Geran Kerajaan	112,794,000	89,712,900	84,833,308	35,559,303	33,205,000
RINGKASAN LAIN-LAIN PENDAPATAN					
Pendapatan Hasil MSN	-	-	-	18,698,925	12,000,000
Pendapatan Sumbangan MSN	-	-	-	3,500,000	-
Pendapatan Akademi Kejurulatihan Kebangsaan	199,255	256,524	360,369	416,025	217,439
Pendapatan FitMalaysia X	-	-	-	-	110,000
Pendapatan Pusat Perubatan Sukan Negara	-	-	3,280	157,571	211,373
Pendapatan Lain	547,123	556,470	787,798	1,210,715	1,283,507
Jumlah Lain-Lain Pendapatan	746,378	812,994	1,151,447	23,983,236	13,822,319
RINGKASAN PERBELANJAAN					
Emolumen	43,957,475	51,851,272	47,512,490	19,418,414	20,357,935
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	13,283,106	16,643,543	17,280,443	2,588,323	838,035
Pengangkutan Barang-Barang	83,532	49,316	58,545	19,057	4,229
Perhubungan dan Utiliti	1,636,364	1,770,423	1,844,477	1,444,143	1,227,608
Sewaan	1,636,424	2,376,260	2,157,004	440,950	457,473
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman	914,459	1,291,457	902,639	356,027	378,242
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan	328,307	381,902	316,807	176,998	136,963
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	4,665,254	6,311,019	5,491,505	1,902,431	2,983,599
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	2,726,724	3,274,756	1,003,048	831,502	1,171,474
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	7,968,686	8,995,684	5,105,474	2,588,999	3,084,576
Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	204,062	73,445	83,582	46,710	14,750
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	473,602	600,795	5,940,444	6,827,611	4,738,438
Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran	445,006	394,425	566,817	437,182	230,940
Imbuan Tahunan dan Bantuan Kewangan	1,496,468	252,179	868,664	110,500	122,000
Pulang Balik dan Hapuskira	-	55,917	174,011	73,948	30,187
Perbelanjaan Susut Nilai	5,991,862	8,975,748	11,362,534	11,516,793	10,600,072
Perbelanjaan Lain	952,907	704,173	998,683	124,838	173,672
Hutang Ragu	-	-	-	-	41,126
Jumlah Perbelanjaan	86,764,238	104,002,314	101,667,167	48,904,426	46,591,319
Lebihan / (Kurangan) Tahun Semasa Berdasarkan Penyata Kewangan	(1,159,512)	(2,047,603)	1,962,778	5,903,186	345,440

RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN	2016 RM	2017 RM	2018 RM	2019 RM	2020 RM
Jumlah Aset	84,424,714	77,832,990	64,416,420	64,452,073	84,423,936
jumlah Liabiliti	87,253,654	82,697,950	70,127,062	64,700,761	83,816,612


JUMLAH TERIMAAN GERAN KERAJAAN (RM)




JUMLAH LAIN-LAIN PENDAPATAN (RM)




JUMLAH PERBELANJAAN (RM)



JUMLAH ASET (RM)



JUMLAH LIABILITI (RM)



ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

RINGKASAN TERIMAAN DAN PENDAPATAN

ISN mencatatkan jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM46,936,759 pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 iaitu RM54,807,612 dengan penurunan berjumlah RM7,870,853 atau 14.36%. Program FitMalaysia X yang merupakan inisiatif program kesedaran memupuk gaya hidup sihat dan cergas di kalangan masyarakat bermula pada tahun 2020 berjaya mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM110,000. Butiran pendapatan tahun 2020 dan 2019 adalah seperti berikut:

Butiran Pendapatan	2019 RM	2020 RM
Peruntukan Mengurus (B.45)	20,759,303	16,500,000
Lain-Lain Pendapatan ¹	23,983,236	13,822,319
Pelunasan Geran Kumpulan Wang Amanah (B.12)	1,040,000	7,470,351
Pelunasan Geran Wang Pembangunan	6,141,499	6,337,663
Pelunasan Harta Modal Pemberian MSN	-	240,652
Pelunasan Geran Program Podium	1,618,571	1,585,658
Pelunasan Geran PFI 2	964,425	783,134
Pelunasan Geran MyTID	175,800	83,910
Pelunasan Harta Modal Pemberian Syarikat Tempatan	43,731	44,657
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	73,834	57,143
Hasil Sewaan	7,213	11,272
Jumlah Pendapatan	54,807,612	46,936,759

¹ Butiran Lain-Lain Pendapatan	2019 RM	2020 RM
Pendapatan Hasil MSN	18,698,925	12,000,000
Sumbangan MSN	3,500,000	-
Pendapatan Akademi Kejurulatihan Kebangsaan	416,025	217,439
Pendapatan FitMalaysia X	-	110,000
Pendapatan Pusat Perubatan Sukan Negara	157,571	211,373
Hasil Perkhidmatan Sains Sukan	29,360	95,489
Hasil Perkhidmatan yang Lain	104,563	-
VSMSS <i>Conference</i>	-	25,845
Jualan Harta Benda Kerajaan	97,171	126,467
Denda dan Ganti Rugi	668	8,170
Sumbangan Tempatan - Syarikat-Syarikat	759,428	963,634
Royalti	-	49,520
Bayaran Balik Yuran	-	419
Bayaran Balik Cukai Terlebih Bayar	169,525	13,963
Hasil Perkhidmatan Penyelenggaraan	50,000	-
Jumlah Pendapatan	23,983,236	13,822,319

RINGKASAN PERBELANJAAN

Jumlah keseluruhan perbelanjaan ISN bagi tahun 2020 ialah RM46,591,319 berbanding RM48,904,426 pada tahun 2019 iaitu berkurang sebanyak RM2,313,107 atau 4.73%. Perbelanjaan paling tinggi adalah pada Emolumen berjumlah RM20,357,935 dan perbelanjaan paling rendah ialah pengangkutan barang-barang sebanyak RM4,229.

Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap menunjukkan penurunan perbelanjaan paling besar dari tahun 2019 dan 2020 iaitu berjumlah RM2,089,173. Manakala peningkatan perbelanjaan paling tinggi adalah pada Perbelanjaan Bekalan dan Bahan-Bahan Lain iaitu dengan penambahan sebanyak RM1,081,168 bagi tahun 2020.

Faktor utama pengurangan perbelanjaan kerana penurunan perbelanjaan perjalanan dan sara hidup disebabkan penangguhan Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik Tokyo 2020 sehingga tahun 2021 serta beberapa kejahatan sukan antarabangsa ekoran pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Bagi tahun 2020, jumlah lebihan ISN adalah sebanyak RM345,440 berbanding RM5,903,186 pada tahun 2019.

RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN

Secara keseluruhan jumlah aset ISN bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM84,423,936 berbanding hanya RM64,452,073 pada tahun 2019 iaitu meningkat RM19,971,863 atau 30.99%. Peningkatan aset ini disebabkan oleh peningkatan Kerja Dalam Kemajuan dan pendahuluan pelbagai kakitangan diselaraskan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Jumlah liabiliti ISN pada tahun 2020 berjumlah RM83,816,612 berbanding pada tahun 2019 berjumlah RM64,700,761 di mana peningkatan ini disebabkan terimaan hak milik bagi kos dan nilai buku bersih kompleks MSN Jalan Raja Muda (SJRM) kepada ISN.

Liabiliti semasa meningkat kepada RM9,982,118 disebabkan oleh peningkatan belanja terakru pada tahun 2020. Keseluruhannya, tahun 2020 menunjukkan jumlah aset melebihi jumlah liabiliti. Perbezaan antara jumlah aset sebanyak RM84,423,936 dengan jumlah liabiliti sebanyak RM83,816,612 telah menyebabkan perubahan ekuiti kepada lebihan RM607,324 pada tahun 2020.

PENGURUSAN EKSEKUTIF



Ahmad Faedzal bin Md Ramli
Ketua Pegawai Eksekutif



Ahmad Zawawi bin Zakaria
Pegarah
Bahagian Prestasi Sukan

Dr. Kamarul Hashimy bin Hussein
Pegarah
Bahagian Perubatan Sukan





Dr. Yeo Wee Kian
Pegarah
Bahagian Penyelidikan & Inovasi

Chiang Su Ping
Pegarah
Akademi Kejurulatihan Kebangsaan





Zuraifah binti Abd Rahim
Pegarah
Bahagian Khidmat Pengurusan & Korporat



PEMACU PRESTASI ISN

- **PRESTASI SUKAN**

Merangkumi 6 bidang kepakaran sains sukan ke arah mengoptimumkan keupayaan atlet yang terbaik.

50

- **PERUBATAN SUKAN**

Meliputi khidmat rawatan dan pemulihan pesakit di Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN).

64

- **PENYELIDIKAN & INOVASI SUKAN**

Merencana, merancang aktiviti dan menggalakkan inovasi di kalangan warga ISN melalui penyelidikan dan penerbitan penulisan.

72

- **AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN**

Melaksanakan program pendidikan kejurulatihan secara komprehensif melalui sistem akreditasi jurulatih sukan.

82



- **PENGURUSAN ORGANISASI**

Pengurusan organisasi ISN adalah berdasarkan pendekatan *performance-oriented, athlete-focused* iaitu berorientasikan prestasi perkhidmatan terbaik kepada atlet.

88

- **KORPORAT & PENGKOMERSIALAN**

Usaha penjanaaan pendapatan ISN ke arah mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

100

- **PENGENALPASTIAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT**

Merancang, melaksana serta menguruskan program-program pengenalpastian dan pembangunan bakat dari peringkat akar umbi.

108

- **FITMALAYSIA X**

Program kesihatan yang memfokuskan kepada kadar pengurangan lemak badan dan memberi inspirasi kepada masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat.

112



PRESTASI SUKAN



PRESTASI SUKAN

Prestasi Sukan merupakan salah satu daripada tonggak tenaga kerja yang mendukung aspirasi ISN ke arah kecemerlangan pencapaian prestasi atlet dan antara fungsinya adalah seperti berikut:

- Merancang, menyelaras dan memantau penyampaian perkhidmatan Pasukan Prestasi Tinggi berintegrasikan bidang Sains, Perubatan dan Teknologi Sukan kepada sukan-sukan di bawah program Majlis Sukan Negara (MSN) dan program-program lain.
- Melaksanakan program sains sukan yang komprehensif dan sistematik berasaskan *Evidence-Based Practice* dan penyelidikan dalam bidang pengkhususan.
- Sebagai peneraju dan penyelaras untuk menggembeng kepakaran dan kerjasama pembangunan atlet ke arah program latihan prestasi tinggi yang lebih sistematik dan saintifik.
- Prestasi Sukan merangkumi:
 - Analitik Sukan
 - Prestasi Tinggi
 - Sains Sukan



ATHLETE MANAGEMENT SYSTEM (AMS-ISN)

AMS-ISN digunakan sebagai platform merekod dan menyimpan data perkhidmatan saintifik untuk tujuan pengurusan dan rujukan.

Sistem ini mula diperkenalkan di kalangan saintis sukan sejak tahun 2019 dan seterusnya diperluaskan penggunaannya kepada para atlet dan jurulatih.

Platform AMS-ISN juga merupakan medium komunikasi dan pemantauan prestasi atlet melalui pendekatan *self-reporting*.

Tujuan aplikasi ini adalah untuk merekod data dan pemantauan prestasi. Pengguna sistem terdiri daripada atlet, jurulatih dan pegawai prestasi sukan yang bertanggungjawab terhadap sesi latihan atlet.

Peningkatan penggunaan bagi tahun 2020 memberikan indikasi bahawa sistem ini mula diterima secara berperingkat untuk tujuan merekod data dan pemantauan prestasi terutamanya dalam situasi pandemik yang menghadkan pertemuan secara fizikal dan sesi pemantauan hanya boleh dilakukan secara atas talian.

Berikut merupakan ringkasan penggunaan terhadap platform AMS-ISN bagi tahun 2020.




STATISTIK PENGGUNAAN AMS-ISN

JUMLAH KEMASUKAN DATA

120,842

JUMLAH KEMASUKAN DATA



1,661

PENGGUNA BERDAFTAR

16

PENTADBIR

4

BUILDERS

8

KUMPULAN SUKAN

45

SUKAN

1,146

ATLET

49

MODUL KERJA

103

EVENT FORMS

40

DASHBOARD



KHIDMAT SAINTIFIK

Khidmat sokongan sains sukan berperanan memberikan khidmat saintifik secara integrasi meliputi aspek sains, perubatan dan teknologi sukan kepada atlet di dalam program meliputi tujuh kumpulan sukan dan satu program khas seperti berikut:



SUKAN KEMAHIRAN

Memanah
Menembak
Tenpin Boling
Gimnastik Berirama
Gimnastik Artistik
Boling Padang
Petanque



SUKAN KEKUATAN & DAYA TAHAN

Olahraga Padang
Olahraga Trek
Berbasikal Jalanraya
Berbasikal Trek
Angkat Berat



SUKAN TEMPUR

Karate Kumite
Karate Kata
Taekwondo Poomsae
Taekwondo Kyorugi
Wushu
Tinju
Pencak Silat Olahraga
Pencak Silat Seni
Muay Thai
Lawan Pedang
Judo



SUKAN BERPASUKAN

Hoki Lelaki
Hoki Wanita
Sepak Takraw Lelaki
Sepak Takraw Wanita



SUKAN RAKET

Badminton
Skuasy



SUKAN PARALIMPIK

Lawan Pedang
Badminton
Memanah
Angkat Berat
Ping Pong
Boccia
Olahraga
Tenis
Berbasikal



AKADEMI BOLA SEPAK MOKHTAR DAHARI

Pasukan bola sepak seperti berikut:

- Bawah 13 tahun
- Bawah 14 tahun
- Bawah 15 tahun
- Bawah 16 tahun
- Bawah 17 tahun



SUKAN AKUATIK

Pelayaran
Renang
Terjun

Fokus utama pelaksanaan perkhidmatan sokongan sains sukan tertumpu pada penyediaan atlet ke temasya Sukan Olimpik 2020, Sukan Paralimpik 2020, Sukan SEA 2021, Sukan Para Asean 2021, Sukan Komanwel 2022 dan Sukan Asia 2022.



KHIDMAT SAINS SUKAN



60 DISIPLIN SUKAN

1,115 ATLET

327 SESI PERKHIDMATAN

Bagi tahun 2020, sebanyak 327 sesi perkhidmatan secara dedikasi telah dilaksanakan semasa sesi latihan dan kejohanan termasuk semasa Kem Latihan Atlet *Road To Tokyo* (RTT) secara kuarantin yang berlangsung pada bulan Jun 2020 seperti berikut:

BIDANG KEPAKARAN		KUMPULAN SUKAN	
Suaian Fizikal	46	Berpasukan	67
Psikologi Sukan	40	Kemahiran	39
Pemakanan Sukan	50	Raket	50
Analisis Prestasi Sukan	107	Kekuatan dan Daya Tahan	63
Fisiologi Senam	48	Paralimpik	33
Biomekanik Sukan	36	Tempur	28
		Akuatik	47



BIOMEKANIK SUKAN


Biomekanik Sukan merupakan bidang sains sukan yang mengkaji dan menganalisis pergerakan sukan atlet dengan mengaplikasikan konsep mekanik / fizik, pemodelan matematik, simulasi komputer dan pelbagai teknik pengukuran seperti *Motion Capture Analysis* dan *Electromyography* untuk memahami dan mengoptimumkan pergerakan sukan yang dilakukan oleh atlet.

Tujuannya ialah untuk meningkatkan prestasi sukan dan mengoptimumkan risiko kecederaan atlet.


Ia turut mengkaji struktur dan fungsi sistem pergerakan dalam sukan menggunakan kaedah-kaedah mekanik melibatkan daya.

Pegawai biomekanik sukan juga membantu pakar perubatan sukan dengan memberi maklumat tentang diagnosis, prognosis dan penilaian kecederaan biomekanik sukan atlet.

PERKHIDMATAN BIOMEKANIK MENGIKUT KUMPULAN SUKAN



PERATUSAN JENIS PERKHIDMATAN 2020




FISIOLOGI SENAM

Fisiologi senam bertanggungjawab untuk menyediakan sokongan fisiologi kepada para atlet dan jurulatih negara.

Ia merupakan elemen penting untuk mengenalpasti keperluan utama atlet agar dapat mencapai kecemerlangan melalui objektif yang tersendiri iaitu memberikan perkhidmatan sokongan fisiologi untuk membantu atlet dan jurulatih mengenalpasti keperluan fisiologi yang tertentu dalam sukan yang diceburi serta faktor-faktor yang menentukan pencapaian yang cemerlang dalam sukan tersebut.

Peranan fisiologi senam seperti berikut:

1. PERKHIDMATAN SOKONGAN FISIOLOGI




• PENGUKURAN DAN PENILAIAN FISILOGI

Pelbagai ujian fisiologi merangkumi ujian kecergasan di lapangan mahupun di dalam makmal.

Keputusan dari setiap ujian yang dijalankan akan membantu atlet dan jurulatih memahami dan mengenalpasti keperluan fisiologi yang perlu ditambah baik bagi mencapai peningkatan prestasi.

Bagi tahun 2020, perkhidmatan pegawai fisiologi senam meliputi 6% tugas yang dilaksanakan.


BILANGAN UJIAN FISILOGI



• PEMANTAUAN

Pegawai fisiologi bekerjasama dengan pegawai dari Pusat Sains Sukan yang lain untuk memantau perubahan dan adaptasi fisiologi atlet yang sedang menjalani latihan serta tahap tekanan fisiologi ke atas atlet semasa pertandingan. Bagi tahun 2020, perkhidmatan pegawai fisiologi senam meliputi 59% tugas yang dilaksanakan.

BILANGAN PEMANTAUAN LATIHAN & PERTANDINGAN




• LATIHAN TAMBAHAN

Berdasarkan ciri-ciri fisiologi dan adaptasi atlet semasa latihan mahupun pertandingan, pegawai fisiologi senam membantu jurulatih menyediakan dan mengendalikan latihan tambahan untuk meningkatkan prestasi atlet ke tahap optimum sebagai persediaan menghadapi sesuatu pertandingan.

• STRATEGI PEMULIHAN


Pegawai fisiologi senam bertanggungjawab membantu mempercepatkan proses pemulihan badan atlet selepas sesi latihan seharian mahupun pertandingan yang berpanjangan. Strategi-strategi dan kaedah-kaedah saintifik paling berkesan digunakan untuk membantu atlet memaksimumkan pemulihan dan meminimumkan kelesuan.

Bagi tahun 2020, perkhidmatan pegawai fisiologi senam meliputi 35% tugasan yang dilaksanakan.



2. PENDIDIKAN ATLET DAN JURULATIH

Pegawai fisiologi senam memberi pendidikan berterusan kepada atlet dan jurulatih berkaitan fisiologi senam dan sukan. Sesi pendidikan diadakan melalui seminar, kuliah ringkas ataupun perbincangan dalam kumpulan kecil. Maklumat terkini berkaitan perkembangan sains sukan juga disalurkan kepada atlet dan jurulatih.



ANALISIS PRESTASI SUKAN

Analisis Prestasi Sukan menyediakan perkhidmatan analisis semasa pertandingan dan latihan untuk mengenal pasti prestasi atlet semasa perlawanan berdasarkan petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

Semasa latihan, analisis lebih ditumpukan kepada latihan spesifik tertentu bagi mengenal pasti kekurangan atlet secara terperinci.

Penggunaan teknologi terkini membolehkan maklum balas video secara langsung diberikan kepada jurulatih dan atlet.

JUMLAH JAM PERKHIDMATAN ANALISIS PRESTASI SUKAN BAGI TAHUN 2020

SUKAN BERPASUKAN	SUKAN KEMAHIRAN	SUKAN RAKET	SUKAN PARALIMPIK
465	56	3,665	113

Bagi tahun 2020, perkhidmatan analisis prestasi sukan bagi intervensi dan pemantauan lebih kepada sukan raket iaitu 33.96% berbanding sukan lain. Manakala peratusan perkhidmatan analisis prestasi sukan semasa latihan adalah 24.48% pada sukan berpasukan.



SUAIAN FIZIKAL

Keupayaan fizikal yang tinggi bukan sahaja memberi kelebihan semasa latihan dan pertandingan, malah mampu mengurangkan kebarangkalian untuk mendapatkan kecederaan yang serius. Suaian fizikal berfungsi menyediakan program-program latihan suaian fizikal yang komprehensif untuk membantu atlet-atlet mencapai tahap fizikal yang optimum melalui kaedah-kaedah saintifik.

Bagi tahun 2020, kebanyakan program latihan fizikal yang telah dirangka awal terpaksa diubah suai secara latihan atas talian dan *home based* disebabkan oleh pandemik. Kekangan peralatan menjadikan pegawai suaian fizikal lebih kreatif dalam merangka dan melaksanakan program-program latihan bagi mencapai matlamat latihan yang telah ditetapkan.

BILANGAN PERKHIDMATAN SUAIAN FIZIKAL

SUKAN	PODIUM	BUKAN PODIUM
Paralimpik	1224	-
Kemahiran	952	398
Tempur	716	265
Raket	121	6
Akuatik	609	404
Berpasukan	447	194
Kekuatan dan Daya Tahan	63	44

PSIKOLOGI SUKAN

Faktor-faktor psikologikal memainkan peranan yang sama penting seperti kemahiran fizikal, teknikal dan taktikal dalam menentukan kecemerlangan prestasi dalam sukan.

Gabungan kerjasama secara individu mahu pun secara berkumpulan boleh membantu atlet dan jurulatih meningkatkan keupayaan psikologikal.

Penggunaan aplikasi dan teknik ilmu psikologi boleh membantu atlet mencapai matlamat serta membina kekuatan mental yang bukan sahaja boleh mencorak gaya hidup sebagai seorang atlet profesional malah melengkapkan kemahiran yang diperlukan sebagai seorang juara.

Perkhidmatan psikologi sukan merangkumi:

- **Konsultasi Secara Berkumpulan**
Sesi merancang dan melaksana sesi pendidikan serta diaplikasikan secara berkumpulan. Sesi ini membantu atlet dan jurulatih lebih memahami dan mengenal pasti keperluan tertentu aspek psikologi sukan dalam konteks sukan yang diceburi.
- **Konsultasi Secara Individu**
Sesi perbincangan secara individu dengan atlet bagi mencari penyelesaian dan mengatasi gangguan yang dihadapi sama ada semasa latihan mahupun pertandingan agar tidak mengganggu prestasi sukan.
- **Pemerhatian Lapangan, Sesi Pemantauan dan Sesi Praktikal Semasa Latihan dan Pertandingan**
Mengenal pasti dan merekod perubahan tingkah laku atlet semasa latihan dan pertandingan untuk membantu atlet mencapai tahap prestasi yang optimum.
- **Menjalankan Ujian Psikometrik Serta Penilaian Yang Berkaitan**
Menganalisa atlet dari segi psikologi sukan berkaitan dengan kekuatan psikologi yang diperlukan oleh sukan tersebut.
- **Bengkel / Pembentangan Sesi Pendidikan**
Sesi ceramah, kursus, bengkel, kem latihan dan sebagainya bagi persediaan atlet untuk menghadapi dan mencapai prestasi optimum.

JUMLAH PERKHIDMATAN PSIKOLOGI SUKAN

	PROGRAM	SESI PERKHIDMATAN		
		INDIVIDU	KUMPULAN	PEMERHATIAN
Keseluruhan	Podium	766	264	617
	Sukan Teras	730	236	558
	Paralimpik	36	28	59
Butiran Sukan	Terjun	170	10	125
	Pelayaran	78	18	40
	Berbasikal	7	4	8
	Angkat Berat	45	11	23
	Bola Jaring	18	2	6
	Hoki Wanita	18	18	24
	Hoki Lelaki	18	18	24
	Ragbi 7 Sepasukan	15	2	2
	Memanah	10	42	56
	Gimnastik Artistik	12	-	-
	Tenpin Boling	24	16	20
	Menembak	32	30	38
	Petanque	20	6	18
	Boling Padang	140	18	22
	Para Olahraga	6	4	16
	Para Memanah	10	8	13
	Para Badminton	6	8	6
	Para Renang	5	4	6
	Para Basikal	6	2	10
	Para Tennis Kerusi Roda	-	1	3
	Para Lawan Pedang	2	1	2
	Para Boccia	1	-	2

PEMAKANAN SUKAN

Perkhidmatan pemakanan sukan merangkumi aspek penilaian komposisi tubuh, program pengurusan berat badan, pendidikan pemakanan sukan dan menjalankan program intervensi pemakanan sukan.

PERKHIDMATAN PEMAKANAN SUKAN MENGIKUT SUKAN BAGI TAHUN 2020

KATEGORI SUKAN	JAM PERKHIDMATAN
Akuatik	514
Kemahiran	1,928
Berpasukan	959
Kekuatan dan Daya Tahan	712
Tempur	1,366
Raket	350
Para	870
JUMLAH	6,699

Perkhidmatan pemberian dan preskripsi makanan tambahan kepada atlet bergantung kepada keperluan individu dan jenis sukan yang diceburi. Ini sebagai langkah untuk menyokong keperluan tenaga sebelum, semasa dan selepas latihan mahupun pertandingan.

Bagi tahun 2020, pengambilan makanan tambahan tertinggi direkodkan oleh sukan kekuatan dan daya tahan. Ini kerana sukan tersebut mempunyai keperluan pemakanan yang lebih tinggi terutama dari segi keperluan protein dan *ergogenic aids* untuk memenuhi tuntutan sesi latihan yang mencabar. Rekod pengambilan vitamin dan mineral yang tinggi juga sebagai langkah meningkatkan kesihatan imun atlet menghadapi tempoh pandemik.

PRESKRIPSI MAKANAN TAMBAHAN BAGI TAHUN 2020

KATEGORI SUKAN	ERGOGENIC AIDS	HEALTH CONCERN	PROTEIN	SPORTS FOOD & BEVERAGES	VITAMIN & MINERAL	JUMLAH
Akuatik	5	90	21	285	167	586
Kemahiran	23	182	14	1,124	164	1,507
Berpasukan	10	4	112	684	48	858
Kekuatan dan Daya Tahan	4	24	16	854	48	946
Tempur	82	76	275	1,493	244	2,170
Raket	5	155	80	538	313	1,091
Para	16	86	113	349	264	828
JUMLAH	145	617	631	5,327	1,248	7,986

Bagi rujukan kes klinikal, atlet sukan paralimpik menunjukkan rekod tertinggi kerana kebanyakan individu kurang upaya memang mempunyai kekurangan fizikal yang berkait rapat dengan penyakit tidak berjangkit.

RUJUKAN KLINIKAL PEMAKANAN SUKAN BAGI TAHUN 2020

KATEGORI SUKAN	BIL. RUJUKAN KLINIKAL
Akuatik	13
Kemahiran	15
Berpasukan	7
Kekuatan dan Daya Tahan	6
Tempur	18
Raket	3
Para	29
JUMLAH	91

Pengambilan jus bagi atlet ditetapkan berdasarkan jenis latihan. Bagi tahun 2020, rekod pengambilan jus pemulihan sukan paling tinggi bagi sukan berpasukan. Jus berasaskan bancuhan bagi mencapai keperluan *strength & power* menunjukkan catatan paling tinggi.



SUKAN KEMAHIRAN

- Gimnastik Artistik
- Gimnastik Berirama
- Menembak
- Memanah
- Boling Padang
- Petanque
- Tenpin Boling



SUKAN KEKUATAN & DAYA TAHAN

- Angkat Berat
- Olahraga
- Berbasikal



SUKAN PARALIMPIK

- Boccia
- Bola Sepak 5 Sebelah
- Memanah
- Olahraga
- Ping Pong
- Badminton
- Menembak
- Berbasikal
- Renang
- Angkat Berat
- Lawan Pedang (Kerusi Roda)
- Tenis (Kerusi Roda)
- Bola Keranjang (Kerusi Roda)



SUKAN BERPASUKAN

- Bola Jaring
- Sepak Takraw
- Hoki
- Ragbi
- AMD



SUKAN RAKET

- Badminton
- Ping Pong
- Skuasy



SUKAN TEMPUR

- Karate
- Tinju
- Pencak Silat
- Taekwondo
- Muay Thai
- Wushu



SUKAN AKUATIK

- Pelayaran
- Renang
- Terjun




PERUBATAN SUKAN



PERUBATAN SUKAN

- Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN) merupakan inisiatif awal pengkomersialan ISN untuk menyediakan kemudahan bertaraf Pusat Jagaan Ambulatori Swasta melalui kelulusan berlesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdasarkan Akta Kemudahan dan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).
- Ini membolehkan perkhidmatan perubatan sukan dan penjagaan kesihatan berkualiti dibuka dan ditawarkan kepada umum dengan kos yang minimal.
- PPSN dirasmikan oleh YB Menteri Belia dan Sukan pada 3 Julai 2019 dan pakej khidmat perubatan merangkumi pemeriksaan kesihatan, rawatan rehabilitasi, fisioterapi, radiologi, urutan sukan dan liputan perubatan.
- Perkhidmatan perubatan sukan terbahagi kepada tiga (3) iaitu :
 - Perubatan Sukan
 - Penjagaan Sukan
 - Rehabilitasi Sukan



Kecederaan sukan yang dihadapi oleh atlet kebangsaan dirawat oleh pakar perubatan sukan yang bertauliah bagi memastikan diagnostik tepat dan rawatan yang efektif termasuk mendapatkan khidmat pakar perubatan sukan (doktor pelawat / lokum) berikutan kes kecederaan sukan yang semakin meningkat.

8 JUMLAH PAKAR PERUBATAN SUKAN DI KLINIK PAKAR ISN		
3 PAKAR PERUBATAN SUKAN ISN	4 PAKAR PERUBATAN SUKAN (DOKTOR PELAWAT/ LOKUM)	1 PEGAWAI RADIOLOGI

KLINIK PAKAR

Jumlah kehadiran atlet yang mendapatkan rawatan di Klinik Pakar bagi tahun 2020 adalah seramai 891 orang. Perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:

- Rawatan kecederaan sukan
- Rawatan kesihatan am
- Pemeriksaan atlet secara berkala

MAKMAL PERUBATAN

Fungsi utama membantu pegawai perubatan mendiagnosis penyakit dan memantau kesihatan pesakit melalui ujian-ujian makmal dari semasa ke semasa.

1,817 Kehadiran Atlet Bagi Tahun 2020	JUMLAH/ JENIS PENGUJIAN	8,367	LIMA SUKAN TERTINGGI	
	Hematologi	2,283	Hoki	162
	Biokimia	4,467	Bola sepak	152
	Immunoserologi <i>Rapid Kit</i>	375	Olahraga	112
	Dadah dan Penyalahgunaan Bahan	66	Silat	65
	Urinalisis	1,169	Ragbi	63
	Ujian-Ujian Lain	7		

FARMASI

Pembekalan ubat dan peralatan perubatan termasuk kepada pasukan liputan perubatan semasa bertugas di dalam dan luar negara adalah mengikut preskripsi pegawai perubatan.


Suntikan *Hyaluronic Acid* (HA) dan *Platelet Rich Plasma* (PRP) mengikut indikasi dan diagnostik pesakit.

BUTIRAN	JUMLAH
Pesakit Luar (ISN Bukit Jalil)	
• Jumlah Preskripsi	3586
• Jumlah Item	7641
Liputan Perubatan	
• <i>Team Attachment</i>	25
• Persatuan Sukan Kebangsaan	7
• Kejohanan	14
Over-the-counter (OTC) Taping	
• Pengeluaran untuk Satelit / Unit Pemesan	4550
• Kampung Pandan	20
• Rehab / AMD / Bukit Kiara / Langkawi	15
Injectable Items	
• HA	87
• PRP	80
• Vaksin	254

RADIOLOGI

Pengimejan diagnostik dilengkapi kemudahan peralatan X-Ray, MRI, *Ultrasound* dan DXA dengan teknologi terkini agar diagnosis pakar perubatan sukan dan pegawai radiologi lebih cepat dan tepat.

PENGIMEJAN DIAGNOSTIK								
Kehadiran pesakit sepanjang tahun	X-Ray	679	MRI	128	Ultrasound	540	DXA	49
Sukan tertinggi	• Hoki	67	• Olahraga	17	• Olahraga	78	• Berbasikal	45
	• Olahraga	51	• Hoki	10	• Hoki	44	• Bola sepak	1
	• Ragbi/ Gimnastik	42	• Ragbi	9	• Ragbi	33	• Gimnastik	1
Bilangan anggota diimbas		882		134		694		-
Anggota badan tertinggi diimbas	• Lutut	168	• Lutut	90	• Lutut	162	-	-
	• Buku lali	116	• Buku lali	22	• Bahu	87	-	-
	• Tulang belakang	90	• Pergelangan tangan	11	• Buku lali	74	-	-
Pesakit berbayar PPSN		78		24		43		1



Pencegahan kecederaan sukan merupakan aspek penting dalam pengurusan kecederaan sukan. Kadar kecederaan sukan dapat dikurangkan jika langkah-langkah pencegahan awal dapat diambil dan difahami oleh atlet.

PRESTASI TINGGI (PERUBATAN) REHABILITASI SUKAN

Bertanggungjawab memastikan atlet bagi setiap sukan mendapat perkhidmatan perubatan sukan yang sewajarnya dengan kaedah memantau dan bekerjasama dengan Pusat Prestasi Tinggi (sains sukan) yang menumpukan kepada kesihatan setiap atlet kebangsaan agar diberi keutamaan dan mendapat rawatan pemulihan yang rapid dan sistematik.

Khidmat rehabilitasi sukan merangkumi fisioterapi, rehabilitasi dan pemulihan sukan. Proses pemulihan atlet daripada kecederaan sukan merupakan satu kerja berpasukan melibatkan pakar perubatan sukan, jururawat, pembantu perubatan, fisioterapis dan lain-lain lagi.

Pegawai fisioterapi dan rehabilitasi bertanggungjawab merangka program pemulihan dan kecederaan sukan setiap atlet. Ia kemudiannya dilaksanakan dengan sistematik termasuk penggunaan peralatan dan teknologi terkini agar atlet dapat pulih dan kembali menjalani latihan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pemulihan sukan melibatkan urutan sukan berdasarkan cadangan dan rujukan daripada pakar perubatan PPSN mengikut jenis kecederaan dan kondisi pesakit. Setiap juruurut sukan ISN mempunyai pemahaman mengenai konsep pergerakan manusia terutamanya dalam pergerakan sukan (anatomi, fisiologi dan kinesiologi) agar khidmat yang diberikan lebih berkesan. Urutan sukan berfungsi merangsang dan meningkatkan keupayaan otot, memperbaiki aliran darah dan meningkatkan suhu otot.

Hasilnya atlet akan lebih relaks dan secara tidak langsung akan mempengaruhi psikologi, memperbaiki prestasi dan pulih dengan lebih cepat.

LIPUTAN PERUBATAN

Pasukan liputan perubatan berfungsi menguruskan kecederaan dan memberikan rawatan awal kepada atlet yang tercedera sekaligus mengelakkan kecederaan sukan yang lebih serius di lapangan.

Sebanyak 22 permohonan diterima bagi tahun 2020 dan permohonan yang diluluskan adalah seperti berikut:

	LIPUTAN	PENGANJUR	TARIKH	TEMPAT
1.	Kejohanan Badminton Perodua Malaysia Masters 2020	PERODUA	7 - 12 Januari 2020	Axiata Arena KL Sports City, Bukit Jalil
2.	<i>Fitness Test: Futsal Referee and Instructor Conference</i>	FAM	11 - 12 Januari 2020	Panasonic Stadium Shah Alam
3.	Perlawanan Persahabatan Persediaan Pasukan Bola Sepak CP	FAM	17 Januari 2020	Stadium Nasional Bukit Jalil
4.	<i>Women's Fitness Test: AFC Cup</i>	AFC	30 Januari 2020	Panasonic Stadium Shah Alam
5.	Kejohanan Simulasi Bagi Persediaan Pasukan Bola Sepak CP	FAM	1 Februari 2020	Padang C1 MSN
6.	<i>Fitness Test & Practical: Referee and Instructor Seminar</i>	FAM	7 - 8 Februari 2020	Panasonic Stadium Shah Alam
7.	<i>Practical: Referee Academy Batch 2019</i>	FAM	11 - 14 Februari 2020	AFC House, Bukit Jalil
8.	Kejohanan Para Badminton Sirkuit 1 dan Sirkuit 2	BAM	20 - 26 September 2020	Kompleks Sukan Paralimpik Kg. Pandan
9.	<i>Foot Golf Media Prima</i>	Media Prima	3 Oktober 2020	Kundang Golf Club, Rawang
10.	<i>36th Ohana Squash Championship 2020</i>	Persatuan Squasy Malaysia	6 - 11 Oktober 2020	Pusat Squasy Nasional, Bukit Jalil
11.	Kejohanan Simulasi Memanah RTT 1 (<i>Road To Tokyo</i>)	Persatuan Memanah Malaysia	11 - 14 November 2020	Pavilion MSN
12.	Kejohanan Simulasi Memanah RTT 2 (<i>Road To Tokyo</i>)	Persatuan Memanah Malaysia	21 - 22 November 2020	Pavilion MSN
13.	Kejohanan Simulasi Memanah RTT Paralimpik	Persatuan Mamanah Malaysia	10 - 11 Disember 2020	Pavilion MSN

PERKEMBANGAN PERUBATAN

Bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan aktiviti pendidikan berhubung kesihatan dan perubatan sukan bukan sahaja untuk kalangan staf perubatan sukan, malah turut melibatkan warga sukan terutamanya atlet dan jurulatih. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah program berteraskan pendidikan kesihatan dan kecederaan sukan seperti kempen, ceramah serta menghasil dan mengedar bahan-bahan ilmiah seperti risalah dan poster. Bagi tahun 2020 juga, sebanyak 47 latihan sangkutan telah diadakan.

Continuing Medical Education Series (CME) merupakan sesi pendidikan kesihatan dan perubatan sukan untuk memastikan pegawai dan anggota perubatan sentiasa menambahbaik ilmu dalam bidang tugas masing-masing. Butiran keseluruhan sesi yang dianjurkan / disertai seperti berikut:

BULAN	AKTIVITI/ TAJUK	PENGANJUR/ PERKARA
Januari 2020	<i>Sports Massage (Sports Medicine Symposium)</i> <i>Level 2 Intermediate Care in Rugby</i> E-Notifikasi	Perkembangan Perubatan Perkembangan Perubatan CME
Februari 2020	Kursus Kecemerlangan Kakitangan Barisan Hadapan Kursus Sains Sukan Tahap II (<i>Sports Injury</i>) Kursus Tatacara Perolehan Polio <i>A Revolution System for the Treatment of Sports Injury</i> <i>ISN Medical HPT</i> <i>Covid 19</i> <i>EMS Equipments Update</i> Pemeriksaan Gigi untuk <i>Medical Check-Up</i> <i>Patella Tendinopathy</i>	Perkembangan Perubatan AKK Perkembangan Perubatan CME CME CME CME CME CME CME
Mac 2020	Penggubalan Dasar	Perkembangan Perubatan
Julai 2020	Kursus Sains Sukan Tahap I (<i>Sports Injury</i>) Kursus Sains Sukan Tahap II (<i>Sports Injury</i>) <i>The World's First and Only Fully Adjustable All In One Medical Crutch</i>	AKK AKK CME
Ogos 2020	Kursus Pegawai Sinar Kursus <i>Massage Level 3</i> Siri 1 Kursus Profesionalisme Diri Unggul Kursus <i>Massage Level 3</i> Siri 2 Kursus Sains Sukan Tahap I (<i>Sports Injury</i>) <i>A Cost-Effective Option from the Pioneer of HA Injection for the Treatment of Knee OA</i> <i>Product Update for Imaging Equipment</i> <i>Hypo and Hyperthyroidism in Athlete</i> <i>Guide to Buy a New Bicycle</i>	Perkembangan Perubatan Perkembangan Perubatan Perkembangan Perubatan Perkembangan Perubatan AKK CME CME CME CME
September 2020	Bengkel ISO9001:2015 <i>Understanding and Implementing</i> <i>Women in Sports Symposium</i> Bengkel Pemantapan Media Sosial Kursus Sains Sukan Tahap II (<i>Sports Injury</i>) <i>Philips Cardiac Resuscitation</i> Mulakan Kurus Hari Ini <i>Transformation of Automatic Thermal Medical Devise</i>	Perkembangan Perubatan Perkembangan Perubatan Perkembangan Perubatan AKK CME CME CME
Oktober 2020	Kursus <i>Executive Leadership</i> Kursus X-Ray (CME) <i>3rd MPS National Pharmacists Convention</i> Kursus Sains Sukan Tahap I (<i>Sports Injury</i>) <i>Introduction of Philips Expression Monitor</i> <i>Jogging to Running (Zero to Hero)</i>	Perkembangan Perubatan Perkembangan Perubatan Perkembangan Perubatan AKK CME CME
November 2020	<i>Obstructive Sleep Apnea</i> <i>GE Machine Training</i>	CME CME
Disember 2020	<i>Acne</i> <i>Common Skin Problem</i>	CME CME

PENCAPAIAN PEMULIHAN ATLET



CHEONG JUN HOONG

Atlet dari sukan terjun menjalani pembedahan di kedua-dua belah lutut akibat kecederaan berulang.

Tumpuan pemulihan mengawal bengkak, mengembalikan kekuatan otot yang menyokong pergerakan lutut dan memastikan lutut dapat digerakkan seperti sebelum pembedahan. Beliau menjalani proses pemulihan rehabilitasi di PPSN.

Antara rawatan ialah *cryotherapy*, *neuro musculo electrical stimulation* dan program rehabilitasi merangkumi *knee proprioceptor exercise* serta *strengthening*, *power* dan *endurance exercises*.

Beliau berjaya kembali disertai latihan berprestasi tinggi untuk persediaan kelayakan Sukan Olimpik Tokyo 2020 tanpa masalah serius melibatkan aspek kesakitan.



MUHAMMAD NAJMUDDIN AKMAL BIN KAMAL AKMAL

Atlet bola sepak dari Akademi Mokhtar Dahari (AMD) terputus *ligament ACL* di kaki kanan dan menjalani pembedahan pada September 2019.

Beliau menjalani proses pemulihan rehabilitasi di bawah pemantauan pakar fisioterapi PPSN. Sebelum *Return to Play*, atlet jalani ujian isokinetik dan *ALESA test*.

Antara rawatan ialah *cryotherapy*, *neuro musculo electrical stimulation* dan program rehabilitasi merangkumi *knee proprioceptor exercise* serta *strengthening*, *power* dan *endurance exercises*.

Beliau berjaya kembali disertai sesi latihan seperti biasa dan menyertai pasukan JDT FC selepas tamat di AMD.



HAFIZH SYHRIN ABDULLAH

Atlet motor GP mengalami kecederaan paha agak serius akibat kemalangan di Grand Prix Austria.

Atlet menjalani beberapa siri rawatan di Barcelona, Sepanyol dan mendapatkan rawatan susulan intensif rehabilitasi di PPSN.

Antara rawatan ialah *neuro musculo electrical stimulation* dan *manual technique* serta program rehabilitasi merangkumi *strengthening*, *power* dan *endurance exercises*.

Beliau berjaya meneruskan perlumbaan dan memberikan prestasi yang baik dalam perlumbaan.




PENYELIDIKAN & INOVASI SUKAN



PENYELIDIKAN & INOVASI SUKAN

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi berperanan untuk memastikan amalan, penyelidikan, inovasi dan pembangunan di dalam bidang perubatan, sains dan teknologi sukan serta bertanggungjawab dalam pengurusan penyelidikan, melaksanakan projek penyelidikan dan inovasi bagi meningkatkan prestasi sukan.

Selain itu, program dan aktiviti pendidikan turut diadakan di bawah bahagian ini bagi menerap amalan perubatan, sains dan teknologi sukan menerusi proses pemindahan pengetahuan (*transfer of knowledge*) kepada para penggiat sukan.



BILANGAN PENERBITAN BERKAITAN SUKAN

15 SASARAN		27 PENCAPAIAN	
1 ARTIKEL	2 BUKU ABSTRAK	10 JURNAL	14 PROSIDING PERSIDANGAN DAN PEMBENTANGAN POSTER

SENARAI PENERBITAN

(nama tebal adalah staf ISN):

1. **James. C.**, & Girard. O.(2020). In Season Repeated-Sprint Training in Hypoxia in international Field kockey Players. Front. Sports Act. Living 2-66.doi:10.3389/fsport.2020.00066
2. **Jad Adrian Washif.**, & Kok, L. Y.(2020). The Reactive Bounding Coefficient as a Measure of Horizontal Reactive to Evaluate Stretch-Shortening Cycle Performance in Sprinters. Journal of Human Kinetics volume 73/2020,45-55 doi: 10.2478/hukin-2020-0003.
3. Sharifah Syahirah.,**Sharifah Fathynah.**, Wan Puspa Melati., Fadilah Puteh., Bahiyah Abdul Hamid & Habibah Ismail.(2020). Sexual Harassment in Sports: Risk Factors Analysis from a Malaysian Perspective. International Journal of Psychology, Vol. 24, Issue 03,2020 ISSN: 1475-7192.
4. Mohd Syafiq Miswan., Ahmad Dzulkarnain Ismail., Siti Jamilah Md Japilus., & **Mohd Zaid Mohd Ghazali.** (2020). Determination Suitability in Comparing Selected Physical Fitness Components among Young Athletes between Age Groups and Gender during Talent Identification Process in Malaysia. In: Kaur N., Ahmad M. (eds) Charting a Sustainable Future of ASEAN in Business and Social Sciences. Springer, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-15-3859-9_6
5. Mohamad Shariff A. Hamid., **Kamarul Hashimy Hussein.**, **Ahmad Munawar Helmi Salim.**, Arshad Puji., **Rosnah Mat Yatim.**, **Chin Chee Yong** & **Thomas Wong Yong Sheng.**(2020). Study protocol for a double-blind randomised placebo-controlled trial evaluating clinical effects of platelet-rich plasma injection for acute grade-2 hamstring tear among high performance athletes. BMJ Open 2020;e039105.doi:10.1136/bmjopen-2020-039105
6. Noremylia Mohd Bakhori., Nor Azah Yusoff., Jaafar Abdullah., Helmi Wasoh., **Siti Khadijah Ab Rahman** and Siti Fatimah Rahman.(2020). Surface Enhanced CdSe/ZnS QD/SiNP Electrochemical Immunosensor for the Detection of Mycobacterium Tuberculosis by Combination of CFP10-ESAT6 for Better Diagnostic Specificity. Materials 2020, 13, 149 ; <https://doi.org/10.3390/ma13010149>.

7. Nor Azah Yusoff., Nor Ain Shahera Khairi and Siti Khadijah Ab Rahman.(2020). Molecurlarly Imprinted Polymer for Water Contaminants. Woodward Publishing Series in Composites Science and Engineering, Pages 211-233. <https://doi.org/10.1016/B978-0-103013-4-00012-1>.
8. Suresh Marathamuthu., Victor Selvarajah and Ashril Yusof.(2020). Contralateral Effetcs of Eccentric Exercise and DOMS of the Plantar Flexors: Evidence of Central Involvement. Research Quaterly for Exercise Sport. Pages 1-10.<https://doi.org/10.1080/02701367.2020.1819526>.
9. Muhammad Hamdan., Raihana Sharir and Yeo Wee Kian.(2020). Changes in Hamstring Eccentric Peak Torques and Angles of Peak Torque Following 90 Minutes of Soccer Specific. Malaysian Journal of movement Health & Science. DOI:10.15282/mohe.v9i2.466.
10. Jorg Teichmann., Kim Herbert Losier and Yeo Wee Kian.(2020). Effectiveness of an Unexpected Disturbance Program in the Early Stage of Rehabilitation in Athletes With Unilateral Knee Ligament Injury. Journal of Sport Rehabilitation. DOI : 10.1123/jsr.2019-0265.
11. James C, Dhawan A, Jones T, Girard O. (2020) Quantifying training demands of a 2-wk in-season squash microcycle. International Journal of Sports Physiology and Performance, In press.
12. Thung Jin Seng., Kok Lian Yee., Gao Jianhong and Mohd Rizal Md. Razali.(2020). Pre-race Determinants factors in Elite Swimming Performance- Chronoogical Age and Body Stature . 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
13. Goh Wei Jian and Chok Chuen Leang. The Immediate Effects of Cadence Alteration on Running Economy of Intermediate Distance Runners: A Case Study . 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
14. Mohamad Nor Aliff., Muhammad Hamdan., Hosni Hasan.,Yeo Wee Kian., Hashbullah Ismail., Zukkifli Mohamed and Raja Mohamad Firhad (2020). Selected Physiological Responses During Youth Soccer match Simulation. 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
15. Gao Jianhong., Chris Tee Chow Lee., Mohd Rizal Md. Razali., Jorg Teichmann and Thung Jin Seng.(2020). Thermal Effect on Flosband Stretch Tension. 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
16. Thung Jin Seng., Chris Tee Chow Lee., Mohd Rizal Md. Razali and Gao Jianhong.(2020). Acute Effect on Morning Light Therapy on Elite Weightlifters' Strength and Cognitive Performance. 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
17. Nur Khairunisa Abu Talib., Edmund Bonnie., Zulkifli Ismail and Mohd Rizal Md. Razali.(2020). Effects of Low Load Bench Press and Push-up on Muscular Performance Among Youth Female. 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
18. Vishwanath.(2020). Development of Movement Variability Detection System Using MATLAB App Designer. 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
19. Syarifah Fathynah and Suresh Marathamuthu.(2020). Behaviour and Perception on Physical Activity During Movement Control Order (MCO). 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
20. Suresh Marathamuthu., Mohd Rizal Md. Razali., Mohamad Faizal Lan., Kedric Kwan Xe Bin., Mohd Qusyairy Ajmain., Christopher Pok Yong Hao and Yeo Wee Kian.(2020). Short-term Effects of Commencing Sprint Interval Training with Divergent Carbohydrate Availability on Cycling Performance in Well Trained Athletes : A Case Study. 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
21. Christabelle Chong Sheau Min and Tham Ching Suen.(2020). Comparison of Body Composition Among Malaysian Paralympic Athletes Before and After the Lockdown of COVID-19 . 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
22. Mohd Izham and Chee Lee Ming.(2020). Comparison Prescribed and Self-Hydration Plan on Body Fluid Changes and Performance Towards 40-km Time-Trial Among Malaysia Endurance Athletes. 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).

23. **Chai Wen Jin., Foo Kai Li., Noor Amira Mohamad Nafiah., Ku Ahmad Ku Azmeel Ku Kuhsen., Megat Najmuddin and See Min.**(2020). Body Composition Changes After COVID-19 Movement Control Order(MCO) Among Malaysian National Athletes. 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
24. **Wong Yee Yan., Haslinda Samian and Mohamad Faizal Lan.**(2020). Comparison of Lower Body Strength Between Tenpin Bowling and Lawn Bowls Elite Athletes. 7th International Sports Medicine and Sports Science Conference 2020 (Virtual Edition).
25. Achraf Ammar, Hamdi Chtourou, Omar Boukhris, Khaled Trabelsi, Liwa Masmoudi, Michael Brach, Bassem Bouaziz, Ellen Bentlage, Daniella How, Mona Ahmed, Patrick Mueller, Notger Mueller, Hsen Hsouna, Asma Aloui, Omar Hammouda, Laisa Liane Paineiras-Domingos, Annemarie Braakman-Jansen, Christian Wrede, Sophia Bastoni, Carlos Soares Pernambuco, Leonardo Jose Mataruna-Dos-Santos, Morteza Taheri, Khadijeh Irandoust, Aïmen Khacharem, Nicola L. Bragazzi, Jana Strahler, **Jad Adrian Washif**, Albina Andreeva, Samira C. khoshnami, Evangelia Samara, Vasiliki Zisi, Parasanth Sankar, Waseem N. Ahmed, Mohamed Romdhani, Jan Delhey, Stephen J. Bailey, Nicholas T. Bott, Faiez Gargouri, Lotfi Chaari, Hadj Batatia, Gamal Mohamed Ali, Osama Abdelkarim, Mohamed Jarraya, Kais El Abed, Nizar Souissi, Lisette Van Gemert-Pijnen, Bryan L. Riemann, Laurel Riemann, Wassim Moalla, Jonathan Gómez-Raja, Monique Epstein, Robbert Sanderman, Sebastian Schulz, Achim Jerg, Ramzi Al-Horani, Taiysir Mansi, Mohamed Jmail, Fernando Barbosa, Fernando Ferreira-Santos, Boštjan Šimunič, Rado Pišot , Saša Pišot, Andrea Gaggioli, Piotr Zmijewski, Christian Apfelbacher, Jürgen Steinacker, Helmi Ben Saad, Jordan M. Glenn, Karim Chamari, Tarak Driss, Anita Hoekelmann.(2020). Effects of Homeconfinement on Mental Health and Lifestyle behaviours During the COVID-19 outbreak:Insight from the ELCB-COVID-19 Multicenter Study. The Journal Biology of Sport, 2021:38(1):9-21. DOI; <https://doi.org/10.5114/biolsport.2020.96857>.
26. **Washif JA**, Kok LY. The Reactive Bounding Coefficient as a Measure of Horizontal Reactive Strength to Evaluate Stretch-Shortening Cycle Performance in Sprinters. J Hum Kinet. 2020 Jul 21;73:45-55. doi: 10.2478/hukin.2020-0003. PMID: 32774536; PMCID: PMC7386155.

HARTA INTELEK

6 KUMPULAN HARTA INTELEK					
HAK CIPTA	CAP DAGANGAN	PATEN	REKA BENTUK	PERINDUSTRIAN	REKABENTUK SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU

CAP DAGANGAN - ®

Logo PPSN
 Logo FitMalaysia X
 Logo Team MAS
 Logo AKK
 Logo ISN (Korporat)

HAK CIPTA - ©

Sistem Pengurusan Sumber Manusia (SPSM)
 Modul *Sports Taping Course : Beginner*



AKADEMI
 KEJURULATIHAN
 KEBANGSAAN
 NATIONAL COACHING ACADEMY



PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI SUKAN

PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) TEKNOLOGI SUKAN

2

SASARAN

2

PENCAPAIAN



1. Hamstring Testing System

Hamstring Testing System adalah sistem untuk mengukur *eccentric and isometric hamstring strength*. Peralatan ini digunakan secara meluas sebagai sistem pemantauan kekuatan dan ketidakseimbangan *hamstring*.

Sistem ini terdiri daripada 2 unit sel beban boleh lentur (*bending load cell*) 100 kg dan *Arduino* yang bertindak sebagai pengawal yang dihubungkan dengan penukar analog-ke-digital HX711 untuk memperoleh isyarat dari sel beban. Sistem menghantar data ke *Graphical User Interface (GUI)* melalui kabel *USB* menggunakan komunikasi bersiri pada kelajuan 50Hz. GUI bagi sistem ini dibangunkan dengan menggunakan aplikasi *Visual Studio*.

Antara data yang akan direkod oleh sistem ialah daya maksimum (*maximum force*), masa, impuls dan jumlah pengulangan latihan (*repetitions*). Data-data ini akan disimpan dalam format *Excel* untuk tujuan analisis.



2. Speed Tracking for Gym Equipment

Peralatan mudah alih yang terdiri daripada *Linear Position Sensor* dan *Arduino Board* dipasang pada peralatan *gym* semasa melakukan latihan bertujuan memantau prestasi atlet dari semasa ke semasa. Data-data yang direkod oleh peranti ini ialah jumlah ulangan (*repetitions*), jarak (*distance*), masa (*time*) dan kelajuan (*speed*).

Data-data ini akan direkod dan dipaparkan secara *real-time* melalui komputer riba / *tablet* / telefon pintar secara *wireless* menggunakan *bluetooth*. Data-data tersebut akan disimpan dalam *system database* untuk tujuan analisa dan pemantauan prestasi.

KOLABORASI PENYELIDIKAN

Program dan aktiviti kolaborasi penyelidikan dengan pihak luar:

TARIKH	BUTIRAN
3 - 7 Mac 2020	Sesi latihan dan ujian <i>aerodynamic</i> prototaip basikal trek Olimpik menggunakan <i>wind tunnel</i> bersama pasukan berbasikal kebangsaan di Silverstone, United Kingdom. Projek ini merupakan kerjasama antara ISN dan syarikat TotalSim Ltd UK.
23 April 2020	Program bersama beberapa industri tentang pembangunan projek berkaitan <i>Virtual Reality</i> (VR) dan <i>Augmented Reality</i> (AR).
22 September 2020	Program bersama pasukan penyelidik dari UiTM dalam membangunkan projek berkaitan <i>Internet of Things in Sports</i> .
31 Disember 2020	Menyertai <i>Virtual Sport Innovation Carnival (VSIC) UTM 2020</i> sebagai Ahli Panel dan Penceramah.

KERJASAMA PENYELIDIKAN / MOU PROJEK PENYELIDIKAN KOLABORASI ISN

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN



Menjalinkan kerjasama dan pembangunan strategik yang mapan untuk akademik, perkhidmatan serta penyelidikan dalam bidang sains, perubatan dan teknologi sukan.

MoU antara ISN dan UTM dimeterai pada 18 September 2020.

KERJASAMA PENYELIDIKAN



INTERNET OF THINGS (IOT) BASED ATHLETE PERFORMANCE MONITORING SYSTEM.



PENYELIDIKAN TRANSLASI

PROGRAM ILMIAH

WEBINAR

SERIES 1/2020
21 MEI 2020

192 BILANGAN
PESERTA

TAJUK	PANEL
1. <i>Leading An Active Lifestyle during COVID-19 Movement Restriction Period: What Tools Do We Have?</i>	Dr. Yeo Wee Kian
2. <i>Adapting & Coping with the Stressors & Challenges of the MCO & COVID-19 Pandemic - Sports Psychology Perspective</i>	Philip Lew Chun Foong
3. <i>Integrating Research within Applied Sport Science: Examples from Malaysian Squash</i>	Dr. Carl James

SERIES 2/2020
24 JUN 2020

152 BILANGAN
PESERTA

TAJUK	PANEL
1. <i>Stay Active 'Senior Stars': 15 Minute Chair Exercises</i>	Suresh Marathamuthu
2. <i>Active Lifestyle: Children & Adolescents</i>	Chris Tee Chow Li

LECTURE SERIES

SERIES 1/2020 8 JULAI 2020

98 BILANGAN
PESERTA

TAJUK

PANEL

1. *Training Considerations for Athletes during COVID-19 Pandemic* Dr. Timothy Jones
2. *Periodization Planning and It's Underlying Assumptions* Dr. Thung Jin Seng

SERIES 2/2020 12 OGOS 2020

93 BILANGAN
PESERTA

TAJUK

PANEL

1. *Role of Carbohydrate A Neural Perspective* Dr. Khong Teng Keen (UM)

SERIES 3/2020 4 SEPTEMBER 2020

93 BILANGAN
PESERTA

TAJUK

PANEL

1. *Sexual Harassment and Abuse in Sports: Challenges and Recommendations from A Malaysian Perspective* Dr. Sharifah Syahirah SS (Kolej Universiti Poly-Tech MARA)

ISN TODAY (VSMSS2020)

Prosiding persidangan VSMSS2020 adalah koleksi abstrak penyelidikan. Prosiding persidangan membolehkan para penyelidik, pengamal, pelatih dan individu lain yang relevan untuk menjelaskan penyelidikan mereka dalam suasana yang kurang formal daripada jurnal yang dikaji oleh rakan sebaya.

VSMSS2020 membolehkan penyelidik, pengamal, jurulatih dan individu lain yang berkaitan untuk mengemukakan konsep dan teknik baru dalam perubahan sukan, sains sukan dan teknologi sukan.



ISN TODAY

Merupakan penerbitan berkala maklumat ringkas mengenai aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh staf ISN. Penerbitan ini juga mengandungi maklumat berkaitan penyelidikan-penyelidikan lain seperti program ilmiah, penganjuran konferen bersangkutan dengan penyelidikan dan maklumat lain yang relevan dengan sebarang aktiviti penyelidikan.

ISN Today:
Research & Innovation Volume 7, Issue 2, 2020 mengandungi 19 artikel pendek.



Imbas kod QR untuk muat turun ISN Today.
<https://cloud.isn.gov.my/index.php/s/wEfEiGjP2pCM39D>

INTERNATIONAL SPORTS MEDICINE AND SPORTS SCIENCE CONFERENCE 2020 (VIRTUAL EDITION)

VSMSS2020 RINGKASAN PENGLIBATAN PESERTA & PENCERAMAH					
1,886	213	51	198	127	11
PESERTA TEMPATAN	PESERTA ANTARABANGSA	PENCERAMAH JEMPUTAN	PELAJAR	STAF ISN	JURULATIH
PENGLIBATAN : 2,486 ORANG					

AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN



AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN

Fungsi utama Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) adalah merancang, menyediakan dan menawarkan program pendidikan kejurulatihan secara formal kepada individu yang berhasrat untuk menjadi seorang jurulatih bertauliah dan kompeten.

Kerajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 di seluruh negara disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Larangan perhimpunan ramai termasuk aktiviti sosial seperti penganjuran kursus, seminar dan bengkel telah memberi kesan penganjuran program AKK.

Sejajar dengan itu, AKK telah mengambil inisiatif dengan menyusun semula program yang telah dirancang dengan pelaksanaan program mengikut kesesuaian norma baharu.



SKIM PENSIJILAN KEJURULATIHAN KEBANGSAAN (SPKK) DAN SKIM PELESENAN KEJURULATIHAN KEBANGSAAN (SLKK)

AKK menawarkan program pendidikan kejurulatihan yang komprehensif melalui sistem akreditasi jurulatih sukan iaitu **SPKK** dan **SLKK**.

SPKK merangkumi gabungan Kursus Sains Sukan Tahap I, II dan III yang dianjurkan oleh AKK serta Kursus Sukan Spesifik Tahap I, II dan III yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan. Setelah memperolehi kedua-dua sijil tersebut, individu akan diberi pengiktirafan sebagai jurulatih bertauliah dengan lesen kejurulatihan kebangsaan yang didaftarkan di bawah SLKK.

SLKK merangkumi lesen kejurulatihan C, B dan A. Di bawah gabungan skim ini, jurulatih akan diberikan kad lesen dan sijil kejurulatihan sebagai perakuan pengiktirafan di peringkat kebangsaan. Tempoh sah laku lesen kejurulatihan adalah dua (2) tahun.

	Penganjuran Kursus Sains Sukan dan Peserta Mengikut Tahap			Jurulatih Berlesen Mengikut Tahap	
	Tahap I	Tahap II	Tahap III	Baharu	Perbaharui
Jumlah kursus	16	5	2	Lesen C SLKK Tahap I	175 / 217
Jumlah peserta	720	159	56	Lesen B SLKK Tahap II	56 / 77
Peserta lulus	614	151	54	Lesen A SLKK Tahap III	16 / 22

*Semua penganjuran Kursus Sains Sukan dilaksanakan secara fizikal dengan pematuhan prosedur operasi standard dalam keadaan norma baharu



CONTINUING COACH EDUCATION (CCE)

AKK turut menganjurkan Kursus Pendidikan Kejurulatihan Berterusan atau lebih dikenali sebagai CCE kepada jurulatih dan orang awam di seluruh negara. CCE adalah pendidikan formal bertujuan untuk memperluaskan pengetahuan lanjutan para jurulatih dan orang awam di dalam bidang kejurulatihan serta sains sukan.

Penganjuran Kursus Pendidikan Kejurulatihan Berterusan

<i>INTRODUCTION TO SPORTS MASSAGE</i>	MSN JOHOR 28 - 29 FEBRUARI 2020	22 BILANGAN PESERTA
<i>CUTTING EDGE: SPORTS NUTRITION</i>	BILIK SEMINAR 2, ISN 12 OGOS 2020	21 BILANGAN PESERTA

ISN CONTINUOUS EDUCATION SERIES (ICE)

ICE adalah platform dalam memberi peluang kepada staf ISN untuk berkongsi ilmu pengetahuan, kajian dan penemuan baharu di samping meningkatkan kemahiran pembentangan.

TARIKH	PEMBENTANG	TAJUK
5 Mac 2020	Christabelle Chong Sheau Miin (Pusat Pemakanan Sukan)	<i>Bone Health Status Of Malaysian National Paralympic Athletes</i>
	Dr. Hazwan Khair (Perubatan Universiti Malaya)	<i>Evidence-Based Recommendations For The Management Of Anterior Cruciate Ligament (ACL) Rupture</i>
30 April 2020	Arif Aziz (Pusat Analisis Prestasi Sukan)	<i>Technology Advancement In High Performance Setup "Live Transfer Of Video For Immediate Tactical Changes During A Match"</i>
19 Mei 2020	Dr. Thung Jin Seng (Cawangan Penyelidikan Translasi)	<i>Acute Effect Of Morning Light Therapy On Elite Weightlifters' Strength And Cognitive Performance</i>
25 Jun 2020	Aruna A/P Santhappan (Pusat Psikologi Sukan)	<i>How Being Present Can Be Helpful For Athletes During Pandemic?</i>
9 Julai 2020	Syarifah Fathynah Syed Sheikh (Cawangan Penyelidikan Translasi)	<i>It's Not Okay: If It's Unwanted, It's Sexual Harassment - From Sports Standpoint</i>
23 Julai 2020	Mohd Fauzan Sanusi (Pusat Rehabilitasi Sukan)	<i>Acute Sports Injury Management: What's New?</i>
6 Ogos 2020	Dr. Viswanath Sundar (Pusat Biomekanik Sukan)	<i>Decoding Sports Performance: A Biomechanical Perspective</i>
3 September 2020	Chee Lee Ming (Pusat Fisiologi Senam)	<i>On Field Power Analysis In Track Cycling</i>
10 September 2020	Lee Jin Wei (Pusat Suaian Fizikal)	<i>Reassessing Movement Towards A Practical Approach</i>

MIND THE GAP

Mind the Gap memfokuskan kepada bidang sains, perubahan dan sosialisasi sukan (media, komunikasi, wanita dalam sukan, undang-undang sukan, etika dan integriti) dalam pembangunan sukan.

TARIKH	TAJUK	PENCERAMAH
11 Jun 2020	<i>Women Can Coach</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Datuk Marina Chin • Choo Kon Lee • Yoong Sze Yui • Moderator : Sharon Wee
23 Jun 2020	<i>Communication And Media In Coaching</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Ahmed Shahrazad Sani • Fabian Peter • Moderator : Sharon Wee
7 Julai 2020	<i>Women Coaches & Athletes Partnership</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Roslinda Samsu • M Shahir • Moderator : Sharon Wee

TALK AND SHARE

Talk and Share adalah platform untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang sains kejurulatihan.

TARIKH	PENCERAMAH	TAJUK
16 Jun 2020	Wan Norafzan Wan Mahadi	<i>Coaching Basic</i>
19 Jun 2020	Wan Norafzan Wan Mahadi	<i>How To Start Coaching</i>
30 Jun 2020	Muhammad Zharif Ismail	<i>Strategies To Lower Risk Of Injury Upon Resumption Of Training Post MCO (COVID-19)</i>
14 Julai 2020	Wan Norafzan Wan Mahadi	<i>LTAD Challenges For Coaches, Scientists & Administrators</i>
24 Ogos 2020	Wan Norafzan Wan Mahadi	<i>A Coaching Responsibility: Learning How To Prepare Athletes For Peak Performance</i>
2 September 2020	Wan Norafzan Wan Mahadi	<i>A Coaching Tips: Planning A Training Session</i>
16 Oktober 2020	Wan Norafzan Wan Mahadi	<i>Reason Why Change So Hard To Introduce In Sports Coaching</i>
23 Oktober 2020	Wan Norafzan Wan Mahadi	<i>Is Young Athlete Ready To Start Serious Training? Are They Ready For Sports Specific</i>
30 Oktober 2020	Wan Norafzan Wan Mahadi	<i>Sports Coaching & Leadership</i>
13 November 2020	Wan Norafzan Wan Mahadi	<i>Coaching The Parents: Strategies For Creating A Positive Coach Parent Relationship</i>

WOMEN CAN COACH

Program *Women Can Coach* adalah program pembangunan kejurulatihan yang memfokuskan khas untuk kumpulan jurulatih wanita.

Kesinambungan daripada program ini sekaligus akan membantu negara dalam mewujudkan lebih ramai jurulatih wanita tempatan yang kompeten dan boleh melatih atlet di peringkat prestasi tinggi.

Bagi menyokong inisiatif ini, AKK telah menganjurkan program-program yang memfokuskan serta melibatkan jurulatih wanita sahaja. Antara program tersebut adalah program *Mind the Gap* dan *Sports Coaching+*.

SPORTS COACHING+

Sports Coaching+ merupakan program AKK dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) untuk menghasilkan satu kursus yang melibatkan kombinasi Kursus Sains Sukan dan Kursus Sukan Spesifik dengan matlamat untuk melahirkan lebih ramai jurulatih yang berkualiti, berpengetahuan dan berkemahiran terkini. Kombinasi kedua-dua kursus ini akan membolehkan peserta yang lulus untuk mendapatkan pengiktirafan lesen kejurulatihan mengikut tahap.

Sports Coaching+ hanya menumpukan kepada beberapa sukan pilihan dalam pembangunan kejurulatihan ini dan akan dikembangkan kepada lebih banyak sukan dari masa ke masa. Sukan bagi projek perintis yang telah dipilih ialah bola jaring, ragbi, hoki dan bola sepak wanita.

MEDIA DAN KOMUNIKASI DALAM SAINS KEJURULATIHAN

AKK juga turut menekankan aspek media dan komunikasi dalam sains kejurulatihan, selain sains dan perubatan sukan kepada jurulatih. Etika dan *tips* berhadapan dengan pihak media secara langsung antara perkara yang diterapkan dalam program ini.

Fokus utama program ini adalah memberi pendedahan dan tunjuk ajar secara profesional untuk berdepan pihak media semasa ditemu bual. Di samping itu, ia bertujuan memberi informasi mengenai perkara yang boleh dikongsi dan perkara yang tidak boleh dikongsi dalam medium komunikasi secara temu bual atau digital sosial.

SIRI 1		
MSN NEGERI SEMBILAN	30 SEPTEMBER 2020	59 PESERTA

SIRI 2		
MSN JOHOR	1 OKTOBER 2020	65 PESERTA



PENGURUSAN ORGANISASI



PENGURUSAN ORGANISASI

Pengurusan organisasi merupakan tunjang dalam mentadbir urus sesebuah organisasi. Ia meliputi aspek pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan hal ehwal pentadbiran, pengurusan harta dan kemudahan, pengurusan teknologi maklumat (ICT) dan pengurusan korporat.

Kesemua aspek pengurusan organisasi ini berteraskan kepada fungsi-fungsi seperti perancangan (*planning*), mengelola (*organizing*), memimpin (*leading*) dan mengawal (*controlling*).



PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2020, maklumat perjawatan mengikut kumpulan perkhidmatan seperti berikut:

PENGURUSAN TERTINGGI		PENGURUSAN & PROFESIONAL		PELAKSANA	
1 TETAP	0 KONTRAK	45 TETAP	105 KONTRAK	80 TETAP	82 KONTRAK
JUMLAH : 313 ORANG					

Sehingga 31 Disember 2020, jumlah perjawatan di ISN mengikut bahagian seperti berikut:

BAHAGIAN	TARAF JAWATAN	
	TETAP	KONTRAK
PEJABAT KPE	2	1
UNIT INTEGRITI	1	1
UNIT AUDIT DALAM	2	2
PROGRAM TID	2	1
PROGRAM FMX	0	5
PROGRAM INISIATIF PEMASARAN	0	1
PROGRAM AMD	0	15
BAHAGIAN PRESTASI SUKAN	18	57
BAHAGIAN PERUBATAN SUKAN	41	46
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI	14	9
AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN	7	8
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KORPORAT	39	41
JUMLAH	126	187

LATIHAN ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN (OKK)

Latihan ini bertujuan untuk membentuk pasukan *Emergency Response Team* (ERT) yang mempunyai kemahiran asas dalam merancang dan mengendalikan situasi sebenar melibatkan keselamatan dan kebakaran.

Latihan ini diadakan dari 17 hingga 21 Februari 2020 yang melibatkan seramai 50 orang peserta pasukan ERT ISN dan turut mendapat kerjasama serta bimbingan penuh daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Bukit Jalil.



PEMBANGUNAN FIZIKAL / INFRASTRUKTUR

Bagi tahun 2020, sebanyak 397 aduan kerosakan diterima dan tindakan telah diambil meliputi aduan berkaitan elektrik, mekanikal, perabot, sivil dan telefon. Setiap aduan kerosakan perlu diambil tindakan sewajarnya dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Jumlah aduan kerosakan sejak tahun 2016 sehingga 2020 menunjukkan trend penurunan kerana keberkesanan langkah-langkah penyelenggaraan berjadual yang dilaksanakan, antara jenis penyelenggaraan yang dijalankan:

- Penyelenggaraan penyaman udara
- Penyelenggaraan berkala sivil dan paip
- Penyelenggaraan berkala elektrik dan mekanikal
- Penyelenggaraan pengering tangan
- Kawalan serangga perosak
- Kawalan pencegahan kebakaran
- Kutipan sisa domestik dan sisa sanitasi

Pemantauan pembangunan fasiliti baharu ISN meliputi projek-projek fizikal di bawah RMKe-11 tahun 2020 iaitu:


PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	STATUS PELAKSANAAN
Naik Taraf Bangunan ISN, Bukit Jalil, Kuala Lumpur - Bangunan Tambahan 4 Tingkat	36,077,150.00	<p>Status semasa : 56%</p> <p>Tarikh tender : Mac 2017</p> <p>SST : September 2017</p> <p>Mula : Oktober 2017</p> <p>Jangka siap : Oktober 2021</p> <p>Butiran Extension of Time (EOT) :</p> <ul style="list-style-type: none"> • EOT No 1 : 3 Mei 2020 • EOT No 2 : 28 Jun 2020 • EOT No 3 : 28 Oktober 2020 • EOT No 4 : 14 April 2021
Pembangunan Fizikal Kompleks Makmal <i>Recovery Science</i> Bersekutu ISN, Bukit Jalil, Kuala Lumpur	10,000,000.00	<p>Status semasa : 90%</p> <p>Tarikh tender : Mac 2017</p> <p>SST : September 2017</p> <p>Mula : Oktober 2017</p> <p>Jangka siap : Ogos 2021</p> <p>Butiran Extension of Time (EOT) :</p> <p>EOT No 1 : 18 Februari 2020</p> <p>EOT No 2 : 6 November 2020</p> <p>EOT No 3 : 28 Februari 2021</p>

STATISTIK CAPAIAN LAMAN WEB


Bagi tahun 2020, laman web rasmi ISN telah merekodkan sebanyak 109,596 pelawat.

Laman web Akademi Kejurulatihan Kebangsaan merekodkan 55,922 pelawat, manakala laman web Pusat Perubatan Sukan Negara merekodkan 5,294 pelawat sepanjang tahun 2020.


LAMAN WEB ISN | isn.gov.my



LAMAN WEB AKK | coachingacademy.isn.gov.my



LAMAN WEB PPSN | ppsn.isn.gov.my



PENGANJURAN MESYUARAT / PERSIDANGAN ATAS TALIAN

Sepanjang tahun 2020, Cawangan Teknologi Maklumat telah mengendalikan lebih daripada 230 mesyuarat secara atas talian dengan jumlah penyertaan keseluruhan 4794 orang.

Bagi penganjuran *Virtual Conference*, penganjuran VSMSS 2020 telah dengan jayanya dilaksanakan dengan melibatkan lebih 10,534 *viewers* sepanjang 2 hari program berlangsung.



EXECUTIVE LEADERSHIP PROGRAM : STRATEGIC LEADERSHIP DEVELOPMENT

Bagi memantapkan semangat jati diri dan kerjasama dalam satu pasukan di kalangan barisan kepimpinan strategik di ISN, satu kursus *Executive Leadership Program : Strategic Leadership Development* telah diadakan pada 25 hingga 26 September 2020 bertempat di Hotel Jen Puteri Harbour, Johor Darul Takzim.

Kursus ini telah disertai seramai 31 orang pegawai dan turut dihadiri oleh YBrs. En. Ahmad Faedzal bin Md Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif ISN.

Antara objektif kursus ini adalah untuk:

- Membantu agensi mengenalpasti dan memupuk kualiti kepimpinan di kalangan staf ISN.
- Mengurangkan jurang antara staf dan skop kerja.
- Mengetahui kaedah yang dapat membantu melonjakkan produktiviti staf.
- Meningkatkan tahap kefahaman nilai dan budaya korporat dalam agensi.
- Menggalakkan persefahaman antara nilai individu dan nilai agensi.
- Mengekalkan nilai staf seiring dengan hala tuju ISN.



BENKEL KEWANGAN DAN PEMBENTANGAN KPI INSTITUT SUKAN NEGARA

20-23 DISEMBER 2020
THE PINES, MELAKA

Objektif utama kursus ini adalah seperti berikut:

- Bengkel diadakan bagi membuat anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan berdasarkan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.
- Pembentangan dan perbincangan mengenai KPI ISN bertujuan memberikan pengukuran ke atas faktor-faktor utama yang akan memberikan kejayaan jangka panjang kepada organisasi. Ianya perlu diukur secara berterusan bagi melihat keberkesanan serta peluang-peluang penambahbaikan bagi menjamin kecemerlangan organisasi.
- Seramai 36 orang pegawai yang terdiri daripada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi ISN telah menghadiri bengkel ini yang dilaksanakan selama 3 hari.





Penubuhan Unit Audit Dalam adalah menerusi kelulusan Mesyuarat Lembaga Institut Bil.1/2019 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PS 3.1) iaitu Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

JAWATANKUASA AUDIT ISN

Jawatankuasa Audit (JKA) ISN telah diadakan sebanyak empat kali setahun menepati bilangan yang ditetapkan pada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PS 3.2) iaitu Penubuhan Jawatankuasa Audit (JKA) di Peringkat Kementerian Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Butiran mesyuarat adalah seperti berikut:

BILANGAN 1/2020	BILANGAN 2/2020
17 APRIL 2020	24 OGOS 2020
BILANGAN 3/2020	BILANGAN 4/2020
30 NOVEMBER 2020	15 DISEMBER 2020

Senarai ahli JKA

JAWATAN	NAMA	ORGANISASI
Pengerusi	Datuk M Noor Azman bin Taib	Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Ahli	Tan Sri Dato' Seri Mohamad Noor bin Abdul Rahim Prof. Dato' Dr. Shamala a/p K Subramaniam Prof. Ir. Dr. Jamaluddin bin Mahmud Hairul bin Abdul Hamid	Majlis Olimpik Malaysia Universiti Putra Malaysia Universiti Teknologi MARA Kementerian Kewangan Malaysia





STATUS PENGAUDITAN

Status dan pengauditan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

PERKARA	TARIKH	BUTIRAN/ CATATAN
Pengauditan Khas Program Kompas Juara (2017)	Meneruskan pengauditan yang dijalankan sejak 2019	<i>Exit Conference</i> telah diadakan pada Mac 2020.
Pengauditan Kontrak Sewaan Printer dan Pembelian <i>Toner</i> (2017)	Meneruskan pengauditan yang dijalankan sejak 2019	<i>Exit Conference</i> telah diadakan pada Mac 2020.
Pengauditan Pengurusan Kenderaan (2018 - 2019)	<i>Entrance Conference</i> telah diadakan pada November 2019	<i>Exit Conference</i> diadakan pada September 2020.
Pengauditan Kawalan Pengurusan Wang Amanah (2018 - 2019)	17 September 2020 (Khamis) <i>Entrance Conference</i>	<i>Exit Conference</i> telah diadakan pada 18 Disember 2020 (Jumaat). Isu utama penemuan audit berkaitan kelemahan kawalan dalaman di Bahagian Kewangan dan Bahagian Prestasi Sukan ketika itu.
Pengauditan Kawalan Perbelanjaan (Panjar Wang Runcit 2018 - 2019)	<i>Entrance Conference</i> diadakan pada 19 November 2020 (Khamis)	Pemeriksaan dokumen.
Pengauditan Kawalan Terimaan (Akademi Kejurulatihan Kebangsaan 2018 - 2019)	<i>Entrance Conference</i> diadakan pada 19 November 2020 (Khamis)	Pemeriksaan dokumen.

KURSUS

PROGRAM	TARIKH	ANJURAN
1. Seminar Modenisasi Peranan Juruaudit Dalam: Integriti dan Akauntabiliti Dalam Lanskap Pengauditan Masa Kini	22 - 23 Julai 2020	Institut Pegurusan dan Integriti Melaka (INSPIM)
2. Kursus Penyediaan Kertas Kerja Audit Untuk Pengauditan Penyata Kewangan	28 - 29 September 2020	Puncak Idea Seminar & Trading



LATAR BELAKANG

Unit Integriti ISN ditubuhkan secara pentadbiran pada 1 Ogos 2014. Penubuhan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam berkuat kuasa 1 Ogos 2013 adalah melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Bermula Disember 2019, waran perjawatan telah diterima melalui penstrukturan semula ISN. Kekuatan Unit terdiri daripada seorang Ketua Unit gred S41 (tetap) dan seorang Penolong Pegawai Eksekutif gred 29 (kontrak).

PROGRAM / AKTIVITI

PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH/ TEMPAT	CATATAN
1. Sesi semakan draf Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dengan semua Bahagian bersama Pegawai Bahagian Perundingan dan Pemeriksaan (BPMP), SPRM dan Pegawai Unit Integriti KBS	3 - 6 Januari 2020 Bilik Rafflesia ISN	Sesi semakan bagi pemurnian draf CRM Bahagian-Bahagian yang memiliki risiko di ISN.
2. Ketua Unit Integriti telah menyertai Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)	3 Februari - 25 Jun 2020 MACA, Kuala Lumpur	Penyertaan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013.
3. Bengkel Penulisan Pelaporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) 2019. Indeks Nilai Komposit bagi tahun 2019 berada pada tahap 81.59 rendah sedikit berbanding tahun 2019 iaitu 83.32 poin.	10-12 Mac 2020 Institut Semarak Felda, Kajang	Bengkel penulisan bagi laporan SPAN Tahun 2019 yang telah dibuat analisa data.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) Peringkat ISN	13 Mac 2020 Bilik Rafflesia ISN	Mesyuarat ini bertujuan membincangkan hala tuju pembangunan OACP ISN, dipengerusikan oleh Puan Chiang Su Ping yang dilantik oleh KPE.
5. Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat ISN		Dipengeruskan oleh YBrs. KPE dan dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik.
Bil. 1/2020	30 Mac 2020	
Bil. 2/2020	27 Oktober 2020	
Bil. 3/2020	28 Disember 2020	

PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH/ TEMPAT	CATATAN
6. Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Kementerian Belia dan Sukan Bil. 1/2020 Bil. 2/2020	28 Januari 2020 10 September 2020	Turut hadir.
7. Hebahan peringatan berkaitan integriti, tadbir urus dan pematuhan berdasarkan pekeliling, peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.	Sepanjang tahun	Untuk memberi peringatan dan kesedaran kepada warga ISN supaya tiada pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
8. Kursus Tatacara Siasatan Dalaman dan Teknik Penyasatan bagi Kes Tatatertib Perkhidmatan Awam, anjuran Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM).	27-28 Julai 2020 The Pines, Melaka	2 pegawai Unit Integriti ISN telah hadir ke kursus ini.
9. Kunjungan ke Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).	7 Ogos 2020 JPA Putrajaya	Bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan program intervensi SPAN, pengurusan kesihatan mental dan program psikologi.
10. Bengkel Pembangunan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) Peringkat KBS anjuran Unit Integriti KBS yang disampaikan oleh pegawai BPMP SPRM.	10-13 Ogos 2020 IYC, Cheras, Kuala Lumpur	Penyertaan oleh semua <i>focal point</i> dari jabatan dan agensi di bawah bagi persiapan pembangunan OACP peringkat masing-masing.
11. UI ISN telah mewujudkan slogan (<i>Tagline</i>) <i>Perform With Integrity Unit</i> ini selaras dengan <i>core values</i> V30 ISN iaitu PERFORM	Diluluskan September 2020	Mencerminkan integriti dan ketelusan di dalam penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.
12. Mengeluarkan Garis Panduan Permohonan Melakukan Pekerjaan Luar/Kerja Sambilan Bagi Staf Institut Sukan Negara (ISN)	13 September 2020	Sebagai panduan dan pematuhan kepada staf yang melaksanakan pekerjaan luar.
13. Program ISN <i>Inspire 2020</i> : UI ISN telah menjemput Bahagian Pendidikan Masyarakat (Penmas), SPRM bagi mengadakan pameran.	18 September 2020 Plaza ISN	UI juga turut mengadakan kuiz terbuka kepada pengunjung ke program ini termasuk staf dan pemenang kuiz diberi cenderahati.
14. Sambutan Hari Integriti Nasional pada 5 November 2020: Di peringkat ISN telah diadakan kuiz secara atas talian, pameran poster dan hebahan integriti sepanjang bulan November.	Sepanjang bulan November 2020	10 pemenang kuiz untuk setiap minggu sepanjang bulan November. Seramai 40 pemenang kuiz diberi cenderahati.
15. Pemurnian data OACP bersama UI KBS	3 Disember 2020 KBS, Putrajaya	Sesi ini adalah inisiatif ketiga-tiga Unit Integriti iaitu ISN, MSN dan PSM.
16. Melaksanakan siasatan dalaman terhadap pelanggaran tatacara kewangan kerajaan, tatakelakuan dan etika organisasi.	Sepanjang tahun	Mengendalikan siasatan biasa untuk tindakan pembedaan dan punitif.



KORPORAT & PENGKOMERSIALAN



KORPORAT & PENGKOMERSIALAN

Polisi Penjaan Pendapatan ISN telah diluluskan oleh Lembaga Institut pada 30 April 2019.

Polisi ini merangkumi aspek punca kuasa, prinsip utama dan peranan entiti-entiti di ISN bagi menjalankan aktiviti pengkomersialan serta penjaan pendapatan di ISN.









INISIATIF

Pembangunan Nilai (*Value Creation*) merupakan inisiatif utama pengkomersialan ISN pada tahun 2020 dalam usaha meneruskan lagi penjanaan pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. Inisiatif-inisiatif pengkomersialan ISN ini tidak menggunakan aset dan sumber manusia ISN. ISN menubuhkan tiga (3) buah anak syarikat, enam (6) rakan perniagaan dan lima (5) produk rasmi ISN melalui inisiatif ini seperti berikut:

ANAK SYARIKAT ISN PEMILIKAN EKUITI SAHAM

Data Sukan Consulting Sdn. Bhd.	National Sports Digital Transformation Centre Sdn. Bhd.	Genomas Sdn. Bhd.
 10%	 40%	 15%

RAKAN PERNIAGAAN PERKONGSIAN KEUNTUNGAN PROJEK

Farmasia Sdn. Bhd.	ATF Sport Sdn. Bhd.	AFA Solutions Sdn. Bhd.	HAFI Sdn. Bhd.	Futurise Sdn. Bhd.	SJC SOLEX Corporation (M) Sdn. Bhd.
					

PRODUK RASMI / ENDORSEMENT

Yakult	Gatorade	Bleu	FBT	ATF Sport
				

ANAK SYARIKAT ISN

DATA SUKAN CONSULTING SDN. BHD. (DSC)



Syarikat data analitik sukan yang menggunakan data sebagai komoditi. ISN dan DSC telah menandatangani perjanjian *joint venture (JV)* bagi pembangunan sistem pintar *single landing page* sukan – AgileMAS.

Model pembangunan ini adalah melalui *equal matching grant*, di mana sumbangan oleh ISN (RM 2.5 juta) adalah melalui dana pembangunan (DE) RMKe-12.

DSC adalah anak syarikat ISN dengan pegangan saham sepuluh peratus (10%).

NATIONAL SPORTS DIGITAL TRANSFORMATION CENTRE SDN. BHD. (SDTC)



Syarikat yang ditubuhkan oleh ISN dan DSC dengan objektif utama untuk menerajui inisiatif pendigitalan sukan di bawah CoE Teknologi Sukan Kebangsaan.

Modus operandi syarikat ialah untuk berfungsi sebagai *nexus* di dalam pembangunan *start-up* teknologi sukan di dalam negara.

SDTC adalah anak syarikat ISN dengan pegangan saham empat puluh peratus (40%).

GENOMAS SDN. BHD. (GENOMAS)



Genomas adalah syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan di dalam bidang penyelidikan teknologi genom termasuk pembuatan kit ujian DNA tempatan, ujian dan saringan makmal tempatan bagi sampel DNA, mewujudkan, mengoperasi dan mempopulasi data DNA menggunakan platform kecerdasan pintar (AI).

Genomas ini sedang menggerakkan *sandbox genomic* kebangsaan bersama Futurise dan *Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)*, serta sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di dalam kajian genom bagi COVID-19.

Genomas adalah anak syarikat ISN dengan pegangan saham lima belas peratus (15%).

RAKAN PERNIAGAAN

FARMASIA SDN. BHD. (FARMASIA)



Ditubuhkan pada Mei 2007, Farmasia adalah pengedar dan pengeluar utama alat perubatan di Malaysia dan negara jiran.

Antara produk yang dibangunkan adalah Axtroflex dan Axtroflex Sport. ISN menyokong produk Farmasia melalui perjanjian perlesenan dan mendapat hasil melalui perkongsian keuntungan.

FUTURISE SDN. BHD. (FUTURISE)



Futurise adalah sebuah syarikat di bawah Kementerian Kewangan yang memfokuskan pada inovasi, peraturan dan pengkomersialan.

Futurise telah diberi mandat oleh Kerajaan melalui *National Development Council* untuk memimpin *National Regulatory Sandbox*.

ISN telah menandatangani *Memorandum of Understanding (MoU)* bersama Futurise pada 17 Julai 2020.

ATF SPORT SDN. BHD. (ATF)



ISN dan ATF bekerjasama dalam pembangunan produk *recovery boot* buatan Malaysia. Melalui pengkomersialan / penjualan produk ini, ISN akan mendapat hasil melalui perkongsian keuntungan.

HAJJAH AMINAH FOOD INDUSTRIES SDN. BHD. (HAFI)



ISN dan HAFI bekerjasama dalam pembangunan produk makanan untuk pemasaran di bawah mesin pintar dan produk makanan tenaga berasaskan koko bersama Lembaga Koko Malaysia untuk pasaran umum di bawah jenama TeamMAS.

Melalui pengkomersialan produk ini, ISN akan mendapat hasil melalui perkongsian keuntungan.

ATHLETES FOR ATHLETES SOLUTIONS SDN. BHD. (AFA)



ISN dan AFA bekerjasama dalam pembangunan produk sistem pengurusan fasiliti sukan pintar.

Melalui pengkomersialan produk ini, ISN akan mendapat hasil melalui perkongsian keuntungan.

SJC SOLEX CORPORATION (M) SDN. BHD. (LPM)



SJC Solex menjalankan perniagaan mengedar dan mengeksport produk sukan dan perubatan berkualiti tinggi termasuk produk ortopedik dan aksesori lain berkaitan sukan. ISN menyokong produk SJC Solex melalui perjanjian perlesenan dan mendapat hasil melalui perkongsian keuntungan.

PENAJAAN / PRODUK ENDORSEMENT

YAKULT (M) SDN. BHD. (YAKULT)

Yakult®

Dilahirkan di Jepun pada 1935 melalui penyelidikan dan pembangunan, Yakult merupakan pelopor kepada minuman probiotik dan telah berkembang di lebih 100 buah negara.

Yakult adalah minuman probiotik rasmi ISN.

ETIKA SDN. BHD. (ETIKA)

eTika

Etika adalah pengeluar, pengedar dan pemasar produk minuman berjenama terkenal di dunia.

Pasaran produk di bawah Etika merangkumi negara-negara di Asia Tenggara iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei, Myanmar, Filipina dan Vietnam.

Etika menaja ISN dengan produk Gatorade dan Bleu sebagai minuman isotonik dan air mineral rasmi ISN.

FOOTBALL THAI FACTORY SPORTING GOODS CO. LTD. (FBT)

**FBT®**

FBT adalah pengeluar barangan sukan berjenama di Thailand dengan memfokuskan pada kualiti standard antarabangsa.

ISN dengan bangganya ditaja oleh FBT sebagai pakaian sukan rasmi ISN.

ATF SPORT SDN. BHD. (ATF SPORT)

**ATFTM
SPORT TAPING**

ATF Sport merupakan syarikat tempatan yang mengeluarkan produk *sport tape* berkualiti tinggi sejak tahun 2015.

ISN mendapat tajaan ATF Sport dan produk ATF Sport diiktiraf sebagai *sport tape* rasmi ISN.



ISN BUSINESS REVIEW

ISN *Business Review* diadakan bersama rakan-rakan perniagaan strategik Team MAS dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi ISN pada 20 Julai 2020 bertempat di Kinrara Resort, Puchong, Selangor Darul Ehsan.

Rakan-rakan perniagaan strategik yang hadir adalah:

- | | |
|--|---|
| 1. Data Sukan Consulting Sdn. Bhd. | 8. SJC Solex Corporation (M) Sdn. Bhd. |
| 2. Genomas Sdn. Bhd. | 9. Tom Manas Sdn. Bhd. |
| 3. Fitlion Malaysia Sdn. Bhd. | 10. Hajjah Aminah Food Industries Sdn. Bhd. |
| 4. Universal Fitness & Leisure Sdn. Bhd. | 11. Futurise Sdn. Bhd. |
| 5. Farmasia Sdn. Bhd. | 12. GX Media |
| 6. ATF Sport Sdn. Bhd. | 13. Neuro Cloud |
| 7. AFA Solutions Sdn. Bhd. | 14. Richard Wee Chambers |



HASIL PENJANAAN/ PENGKOMERSIALAN

AKTIVITI/ PENAJAAN/ KONTRAK	TUNAI (RM)	IN KIND (RM)	CATATAN
Etika Sdn. Bhd. • Gatorade • Bleu	100,000	400,000	<i>Endorsement</i>
Yakult (M) Sdn. Bhd	-	95,666*	<i>Endorsement</i>
ATF Sport Sdn. Bhd.	100,000	45,204	<i>Endorsement</i>
Football Thai Factory Sporting Goods Co. Ltd.	-	182,250	<i>Endorsement</i>
Farmasia Sdn. Bhd.	23,542	-	<i>Licensing Fee</i>
SJC Solex Corporation (M) Sdn. Bhd.	25,978	-	<i>Licensing Fee</i>
Pusat Perubatan Sukan Negara	211,373	-	Perkhidmatan Perubatan Sukan
Pusat Perubatan Sukan Negara 2.0 (Sains Sukan)	95,489	-	Perkhidmatan Sains Sukan
Akademi Kejurulatihan Kebangsaan	217,439	-	Pensijilan Kejurulatihan
Fit Malaysia X	110,000	-	Perkhidmatan
JUMLAH	883,821	723,120	RM1,606,941

*RM 54,833 adalah jumlah yang telah diaudit manakala RM 40,833 adalah jumlah yang belum diaudit dalam kontrak baharu.



PENGENALPASTIAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT



PENGENALPASTIAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT

Tujuan utama Program Pengenalpastian dan Pembangunan Bakat Kebangsaan yang diberikan nama Program MyTID KPM-KBS adalah untuk mewujudkan pendekatan saintifik baharu bagi pengenalpastian bakat sukan di peringkat akar umbi yang mengikut standard ditetapkan untuk memastikan keseragaman dan digunapakai oleh semua pihak di Malaysia.

Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kumpulan bakat (*talent pool*) dan menjamin kelestarian bakat sukan di dalam ekosistem pembangunan sukan kebangsaan.

PELAN BAKAT SUKAN KEBANGSAAN

PENGENALAN

Aspek pengenalanpastian dan pembangunan bakat (TID) merupakan tunjang kepada kejayaan negara-negara yang berjaya dalam sukan. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam pelaksanaan inisiatif TID. Namun demikian, masih terdapat ruang penambahbaikan terhadap sistem sedia ada.

Pelaksanaan program TID yang lepas kebanyakannya digiatkan oleh agensi kerajaan dan persatuan sukan, namun kini terdapat kemunculan penggerak-penggerak lain yang sama penting seperti ibu bapa, komuniti, jurulatih komuniti dan sektor swasta. Melihat kepada trend tersebut, pihak KBS berpandangan telah tiba masanya untuk menyusun dan mewujudkan ekosistem TID yang lebih mapan.

Sehubungan itu, lahirlah idea untuk mewujudkan Pelan Bakat Sukan Kebangsaan sebagai satu dokumen strategik dalam memacu para pemegang taruh mencapai matlamat TID negara, iaitu memastikan kelestarian dan kesinambungan bakat sukan di dalam ekosistem pembangunan sukan kebangsaan mengikut inisiatif rentas kementerian, sektor swasta dan pemegang taruh berkaitan. Di samping meningkatkan penglibatan dalam gaya hidup aktif seiring aspirasi dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan (*Sporting Nation*).

HASIL DARI PENGENDALIAN BENGKEL

Draf dokumen strategik Pelan Bakat Sukan Kebangsaan yang dibentuk adalah berpandukan beberapa model TID dan amalan terbaik pada peringkat antarabangsa serta diolah mengikut acuan dan keperluan negara dengan melibatkan setiap pemegang taruh berkaitan bagi mewujudkan satu ekosistem bakat sukan yang lebih sistematik. Dokumen panduan kebangsaan ini dijangka akan dihasilkan pada tahun 2021.

SENARAI KEHADIRAN

JABATAN/ AGENSI/ PERSATUAN	BILANGAN (ORANG)
1. Persatuan Sukan Kebangsaan	44
2. Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ)	2
3. Kementerian Pendidikan Malaysia	4
4. Majlis Sukan Negeri	17
5. Kelab Profesional / Swasta	4
6. Kelab Rekreasi (CAK Academy)	1
7. Jabatan Belia dan Sukan Negara (JSBN)	5
8. Universiti Teknologi MARA (UiTM)	1
9. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	1
10. Unit Perancang Ekonomi (EPU)	1
11. Moderator & Repertoires IPT	22
12. Institut Sukan Negara (ISN)	3
JUMLAH	105





FITMALAYSIA X



FITMALAYSIA X

Program FitMalaysia X diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan kecergasan, kualiti hidup melalui amalan gaya hidup sihat termasuk pemakanan dan kesihatan.

Jurulatih ISN yang diiktiraf dan berdedikasi bertanggungjawab mendidik masyarakat umum tentang kepentingan mengamalkan kecergasan fizikal, makanan seimbang dan mengubah cara hidup secara keseluruhan.

Program FitMalaysiaX ditubuhkan secara pentadbiran pada 2 Februari 2020 dengan seorang Ketua Unit gred S41 (kontrak), seorang Pegawai Pemakanan gred 41 dan empat Penolong Pegawai gred 29.



OBJEKTIF



PERATUS LEMAK

Mengurangkan peratus lemak (%) serta mengurangkan risiko penyakit kronik kepada mereka yang berada di kategori pra-diabetes / pra-hipertensi.



KESIHATAN

Meningkatkan tahap fizikal dan mental serta kesihatan yang baik.



BERAT BADAN

Mengurangkan masalah berat badan berlebihan di kalangan rakyat Malaysia.



PENDIDIKAN

Pendidikan melalui latihan fizikal untuk menguruskan peratusan lemak badan untuk mengekalkan gaya hidup sihat.



KUALITI

Mempertingkatkan kualiti kesihatan, kecergasan dan pergerakan di kalangan peserta kepada tahap yang optimum.



PERATUS KECERGASAN

Meningkatkan peratus kecergasan kepada keperluan minimum untuk kesejahteraan hidup sihat.



KOMPONEN KECERGASAN

Menjadikan pengukuran komponen kecergasan (*fitness*) sebagai komponen utama menangani isu obesiti.



AKTIVITI DAN PROGRAM

FASA 1 (Perintis)

PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH/TEMPAT	CATATAN
Seramai 43 staf KBS telah menyertai program FitMalaysia X.	9 Mac - 1 Mei 2020 Dewan Serbaguna KBS & Aplikasi WEBEX.	Pada awalnya, program dibuat secara fizikal, namun diteruskan secara atas talian disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.
Seramai 43 staf MSN telah menyertai program FitMalaysia X.	5 Mac - 8 Mei 2020 Stadium Tertutup & Aplikasi WEBEX.	Pada awalnya, program dibuat secara fizikal, namun diteruskan secara atas talian disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.
Seramai 41 staf ISN telah menyertai program FitMalaysia X	10 Mac - 13 Mei 2020 Dewan <i>Physio</i> ISN & Aplikasi WEBEX.	Pada awalnya, program dibuat secara fizikal, namun diteruskan secara atas talian disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

FASA 2 (Seluruh Malaysia)

PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH/TEMPAT	CATATAN
Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) telah mendaftar seramai 550 anggota kerajaan dari 13 negeri dan 3 wilayah untuk Program FitMalaysia X.	Program FitMalaysia X sepatutnya dijalankan dari Jun 2020 hingga Disember 2020 tetapi memandangkan pandemik COVID-19 semakin meningkat, program terpaksa ditunda ke tahun 2021. Walau bagaimanapun, Program FitMalaysia X dapat dilaksanakan untuk Majlis Sukan ATM pada tahun 2020 secara fizikal.	<ul style="list-style-type: none"> • Johor – 30 • Kedah – 30 • Kelantan – 30 • Melaka – 30 • Negeri Sembilan – 30 • Pahang – 35 • Perak – 32 • Perlis – 30 • Sabah – 30 • Sarawak – 30 • Selangor – 30 • Terengganu – 30 • Wilayah Kuala Lumpur – 30 • Wilayah Labuan – 30 • Wilayah Putrajaya – 30 • Majlis Sukan Penjara – 30 • Majlis Sukan PDRM – 37 • Majlis Sukan ATM – 31

ARUS PERDANA

PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH	CATATAN
Program FitMalaysia X juga disiarkan di rancangan Selamat Pagi Malaysia RTM1 bagi program <i>Workout At Home (WAH)</i> dengan mewujudkan kesedaran dan video latihan di rumah untuk dikongsi kepada orang ramai secara atas talian melalui media sosial ISN & FitMalaysia X seperti <i>Twitter</i> , <i>Facebook</i> dan <i>Instagram</i> . Latihan sederhana ini boleh dilakukan di rumah dan tidak memerlukan peralatan sukan.	April 2020	Sebanyak 8 buah video kesedaran #kbswahchallenge telah dirakam dengan kerjasama Cawangan Korporat ISN.

INISIATIF NORMA BAHARU IMPLIKASI PANDEMIK COVID-19

PETUGAS PUSAT KUARANTIN COVID-19

Pusat Kuarantin COVID-19 di Majlis Sukan Negara diwujudkan oleh KKM sebagai penempatan kuarantin selama 14 hari di bawah Kluster Sri Petaling. Staf perubatan ISN ditawarkan untuk membantu KKM mengendalikan perkhidmatan perubatan dan melaksanakan saringan bermula April hingga Ogos 2020.

Seramai 10 orang staf perubatan ISN terdiri daripada doktor, penolong pegawai perubatan, jururawat dan pemandu terlibat dalam tugas ini. Ia memberikan pengetahuan dan pengalaman yang amat berharga terutama dalam menangani isu pandemik yang sedang melanda ketika ini.



PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU

Kerjasama sukarelawan perubatan ISN bersama NGO iaitu *IMAM Response and Relief Team (IMARET)* yang merupakan pasukan bantuan di bawah *Islamic Medical Association of Malaysia (IMAM)*

Seramai 20 orang staf perubatan ISN terdiri daripada doktor, penolong pegawai perubatan, jururawat dan pemandu secara sukarela membantu IMARET semasa krisis pandemik berlaku.

Antara tugas yang dilaksanakan ialah:

- Penghantaran barangan perubatan, PPE dan keperluan barangan ke semua fasiliti kesihatan dan hospital di Lembah Klang.
- Melaksanakan kerja-kerja pembungkusan, muat naik dan muat turun barang-barangan dan peralatan di ISN untuk diedar dan diagih-agihkan ke seluruh negara.
- Pengagihan makanan secara *pack food* kepada golongan yang memerlukan di sekitar Lembah Klang.
- Bekerjasama dengan pihak berkuasa seperti MKN, polis, tentera dan RELA dalam membantu menyalurkan makanan kepada penghuni-penghuni yang sedang berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).



INISIATIF NORMA BAHARU

IMPLIKASI PANDEMIK COVID-19

PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU



Inisiatif pencegahan wabak dan pembudayaan norma baharu oleh pihak Pengurusan ISN iaitu dengan menyediakan Garis Panduan Standard Operasi Prosedur Pencegahan Covid -19, sanitasi berkala ruangan pejabat, pembelian peralatan dan bahan pencegahan serta menyediakan bahan hebahan norma baharu dari semasa ke semasa.

NORMA KERJA BAHARU



Norma kerja baharu juga turut menuntut setiap staf ISN untuk sentiasa peka pada perubahan-perubahan SOP yang diumumkan dari semasa ke semasa serta kreativiti dalam memastikan matlamat dan tugas kerja dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin terutamanya berkaitan dengan sesi bersama atlet dan jurulatih.

Perubahan-perubahan dalam rutin norma tugas terpaksa dilakukan sehinggakan lebih banyak kerja diselesaikan secara atas talian.





PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
INSTITUT SUKAN NEGARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah mewakili sebuah firma swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Institut Sukan Negara. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Institut Sukan Negara dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 25.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Sukan Negara pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729] kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

a. Geran Pembangunan Berbaki Debit

Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara dan Geran Pembangunan Anti-Doping Malaysia berbaki debit sejak tahun 2015 masing-masing bernilai RM26.74 juta dan

RM0.59 juta. Perkara ini berlaku disebabkan ia telah digunakan bagi pembayaran gaji kakitangan kontrak pada tahun 2016 hingga 2017 dan perbelanjaan lain yang telah dibuat tanpa kelulusan Kementerian Belia Dan Sukan menggunakan dana geran tersebut. Selain itu, dana geran berbaki debit adalah disebabkan penggunaan dana pada tahun terdahulu telah melebihi baki dana yang telah diperuntukkan kepada Institut Sukan Negara.

b. Geran Pembangunan Digunakan Untuk Tujuan Perbelanjaan Mengurus

Geran pembangunan Institut Sukan Negara berjumlah RM11.88 juta telah digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus tanpa kelulusan Kementerian Belia Dan Sukan dalam tahun kewangan 2020 dan tidak selari dengan mandat yang diterima bagi tujuan geran tersebut. Kesan daripada perbelanjaan digunakan untuk perbelanjaan mengurus, baki Tunai dan Kesetaraan Tunai yang direkodkan adalah tidak memberi gambaran benar dan saksama berkaitan kedudukan sebenar item tunai Institut Sukan Negara dan baki geran pembangunan. Pihak Audit mendapati baki tunai berjumlah RM19.08 juta yang direkodkan dalam penyata kewangan adalah merupakan baki geran pembangunan.

c. Akaun Belum Bayar Direkodkan Dalam Geran Pembangunan Tidak Dapat Disahkan

Akaun Belum Bayar berjumlah RM95,833.01 yang direkodkan dalam Geran Pembangunan tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan oleh ISN.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Institut Sukan Negara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenaunya

Anggota Institut, Institut Sukan Negara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Institut Sukan Negara tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenaunya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenaunya.

Tanggungjawab Anggota Institut Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Institut bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729]. Anggota Institut juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara, Anggota Institut bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Sukan Negara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedharkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Institut Sukan Negara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Institut Sukan Negara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Sukan Negara;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Institut;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Institut dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Institut Sukan

Negara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Institut Sukan Negara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan


- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Institut Sukan Negara telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729], saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain tidak disimpan dengan sempurna seperti yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Institut, Institut Sukan Negara berdasarkan keperluan Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(NOR AZIAN BINTI NORDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
26 JANUARI 2022



INSTITUT SUKAN NEGARA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Anggota Institut Sukan Negara

Kami, **PROF. DATO' DR. RAHMAT BIN MOHAMAD** dan **HAIRUL BIN ABDUL HAMID** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Anggota Institut Sukan Negara, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Institut Sukan Negara, Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **INSTITUT SUKAN NEGARA** pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota,



NAMA : **PROF. DATO' DR. RAHMAT
BIN MOHAMAD**

GELARAN : Pengerusi Anggota

Institut Sukan Negara

Tarikh : 18 November 2021

Kuala Lumpur

Bagi pihak Anggota,



NAMA : **HAIRUL BIN ABDUL HAMID**

GELARAN : Ahli Anggota

Institut Sukan Negara

Tarikh : 18 November 2021

Kuala Lumpur

INSTITUT SUKAN NEGARA**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN BERKENAAN**

Saya, **AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **INSTITUT SUKAN NEGARA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun 1960 (Akta 783).

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **KUALA LUMPUR** pada)
18 NOV 2021



.....
AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAN



NO. 57-2, JALAN WANGSA DELIMA 5
PUSAT BANDAR WANGSA MAJLIS (KLSQ)
53300 KUALA LUMPUR

INSTITUT SUKAN NEGARA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
ASET			
Aset Semasa			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	4	19,077,692	13,529,112
Akaun Belum Terima	5	10,755,534	9,847,810
Penghutang Pinjaman Pekerja	6	3,750	5,179
Jumlah Aset Semasa		29,836,976	23,382,101
Aset Bukan Semasa			
Penghutang Pinjaman Pekerja	6	1,978	5,728
Hartanah, Loji dan Peralatan	7	28,845,631	23,109,418
Kerja Dalam Kemajuan	8	24,943,328	16,617,669
Aset Tak Ketara	9	796,023	1,337,157
Jumlah Aset Bukan Semasa		54,586,960	41,069,972
Jumlah Aset		84,423,936	64,452,073
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	10	9,982,118	7,974,280
Peruntukan Manfaat Kakitangan	11	-	165,741
Jumlah Liabiliti Semasa		9,982,118	8,140,021
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	11	494,283	268,689
Peruntukan Geran	12	59,048,193	56,208,815
Pendapatan Tertunda	13	14,292,018	83,236
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		73,834,494	56,560,740
Jumlah Liabiliti		83,816,612	64,700,761
Aset / (Liabiliti) Bersih		607,324	(248,688)
ASET BERSIH/EKUITI			
Lebihan / (Kurangan) Terkumpul		607,324	(248,688)
ASET / (LIABILITI) BERSIH		607,324	(248,688)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini

INSTITUT SUKAN NEGARA

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
PENDAPATAN			
Urus Niaga Pertukaran	14	68,415	81,047
Urus Niaga Bukan Pertukaran	15	33,046,025	30,743,329
Pendapatan Lain	16	13,822,319	23,983,236
JUMLAH PENDAPATAN		46,936,759	54,807,612
PERBELANJAAN			
Emolumen	17	20,357,935	19,418,414
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup		838,035	2,588,323
Pengangkutan Barang-Barang		4,229	19,057
Perhubungan dan Utiliti		1,227,608	1,444,143
Sewaan		457,473	440,950
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman		378,242	356,027
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan		136,964	176,998
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain		2,983,599	1,902,431
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		1,171,474	831,502
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti		3,084,576	2,588,999
Biasiswa, Demasiswa dan Bantuan Pelajaran		14,750	46,710
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		4,738,438	6,827,611
Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran		230,940	437,182
Imbuan Tahunan dan Bantuan Kewangan		122,000	110,500
Putang Balik dan Hapuskira		15,806	73,948
Perbelanjaan Susut Nilai		10,600,071	11,516,793
Perbelanjaan Lain		188,053	124,838
Hutang Ragu	5	41,126	-
JUMLAH PERBELANJAAN		46,591,319	48,904,426
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI			
Cukai pendapatan	18	345,440	5,903,186
LEBIHAN BAGI TAHUN SEMASA		345,440	5,903,186

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini

INSTITUT SUKAN NEGARA

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	EKUITI				LIABILITI				Jumlah Aset Bersih
	Kumpulan wang mengurus	Kumpulan wang lain-lain	Kumpulan Wang Sumbangan MSN	Kumpulan Wang Hasil MSN	Wang Amanah Sukan Negara	Adamas	Pendapatan Tertunda		
Baki pada 1 Januari 2019	(7,947,874)	2,237,227	-	-	-	-	5	(5,710,642)	
Pelarasan tahun lalu	(483,806)	42,570	-	-	-	-	4	(441,232)	
Lebihan dalam tahun	6,025,462	775,123	259,484	(720,789)	(436,084)	(10)	-	5,903,186	
Baki pada 31 Disember 2019	(2,406,218)	3,054,920	259,484	(720,789)	(436,084)	(10)	9	(245,688)	
Baki pada 1 Januari 2020	(2,406,218)	3,054,920	259,484	(720,789)	-	-	-	187,397	
Pelarasan tahun lalu	74,217	(2,272)	-	2,542	-	-	-	74,487	
Lebihan dalam tahun	1,973,082	909,372	(3,389,165)	852,151	-	-	-	345,440	
Baki pada 31 Disember 2020	(358,919)	3,962,020	(3,129,681)	133,904	-	-	-	607,324	

Nota: Pindahan baki akhir pada 31 Disember 2019 kepada 1 Januari 2020 telah dibuat mengikut kategori kumpulan wang seperti yang tertera.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini

INSTITUT SUKAN NEGARA

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 (RM)	2019 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Lebih Pendapatan Sebelum Cukai		345,440	5,903,186
Pelarasan-pelarasan yang tidak melibatkan pergerakan tunai :-			
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	7 & 9	10,600,071	10,517,529
Pulangan Balik dan Hapuskira		15,806	3,862
Untung atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		126,467	79,171
Pelunasan Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara	12	(7,470,351)	(1,040,000)
Pelunasan Geran Pembangunan ISN	12	(6,337,663)	(6,141,499)
Pelunasan Geran Pembangunan Podium	12	(1,585,658)	(1,618,571)
Pelunasan Geran MyTID	12	(83,910)	(175,800)
Pelunasan Geran PFI 2	12	(783,134)	(964,425)
Pelunasan Wang Harta Modal	15	(285,309)	(43,731)
		<u>(5,803,681)</u>	<u>616,536</u>
(Kurangan) / Lebihan dari Aktiviti Operasi		(5,458,241)	6,519,722
Perubahan Modal Kerja			
(Peningkatan) Akaun Belum Terima		(907,724)	(4,880,290)
Pengurangan Penghutang Pinjaman Pekerja		5,179	5,179
Peningkatan / (Pengurangan) Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru		2,007,838	(7,890,813)
Peningkatan / (Pengurangan) Peruntukan Manfaat Kakitangan		59,853	(232,639)
		<u>1,165,146</u>	<u>(12,998,563)</u>
Tunai Bersih Digunakan untuk Aktiviti Operasi		(4,293,095)	(6,478,841)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(1,072,122)	(2,945,937)
Untung atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		(126,467)	(79,171)
Pembelian Aset Tak Ketara		(244,752)	-
Projek Dalam Pelaksanaan		(8,325,659)	(888,894)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan		(9,769,000)	(3,914,002)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Terimaan dari Kerajaan Malaysia - Wang Amanah Sukan Negara	12	14,325,000	1,040,000
Terimaan dari Kerajaan Malaysia - Pembangunan ISN	12	7,680,000	13,740,000
Terimaan Bukan Hasil (Pelarasan)		(2,394,325)	(2,540,055)
Tunai Bersih Dijanakan daripada Aktiviti Pembiayaan		19,610,675	12,239,945
LEBIHAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI			
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		5,548,580	1,847,102
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		13,529,112	11,682,010
		<u>19,077,692</u>	<u>13,529,112</u>
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Terdiri daripada:			
Baki Simpanan Tetap, Bank dan Wang Tunai		19,077,692	13,529,112

Nota-nota yang diampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini

INSTITUT SUKAN NEGARA

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar RM	Varian Bajet RM
	Asal RM	Akhir RM		
PERUNTUKAN				
Gaji, Elaun, KWAP dan Kos Kakitangan	19,943,500	19,943,500	17,841,493	2,102,007
Upah	880,000	1,080,000	1,056,383	23,617
KWSP dan Perkeso	2,486,500	2,286,500	1,298,417	988,083
Elaun Lebih Masa	490,000	490,000	161,642	328,358
Jumlah Emolumen	23,800,000	23,800,000	20,357,935	3,442,065
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	4,358,900	4,358,900	838,035	3,520,865
Pengangkutan Barang-Barang	80,000	80,000	4,229	75,771
Perhubungan dan Utiliti	2,198,000	2,198,000	1,227,608	970,392
Sewaan	465,000	465,000	457,473	7,527
Bahan-Bahan Makan dan Minuman	1,020,500	1,020,500	378,242	642,258
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti	866,504	866,504	136,963	729,541
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	5,688,886	5,688,886	2,983,599	2,705,287
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	1,583,810	1,583,810	1,171,474	412,336
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	3,984,400	3,984,400	3,084,576	899,824
Jumlah Perkhidmatan & Bekalan	20,246,000	20,246,000	10,282,199	9,963,801
Harta Modal	12,548,000	12,548,000	1,072,122	11,475,878
Biasiswa dan Dermasiswa	60,000	60,000	14,750	45,250
Pemberian Dalam & Luar Negeri	5,050,000	4,800,000	4,738,438	61,562
Gantian Cuti Rehat	-	250,000	230,940	19,060
Jumlah pemberian dan kenaian bayaran tetap	5,110,000	5,110,000	4,984,128	125,872
Bayaran-Bayaran Lain	1,181,000	1,181,000	188,053	992,947
JUMLAH	62,885,000	62,885,000	36,884,437	26,000,563

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini

INSTITUT SUKAN NEGARA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1. LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Institut Sukan Negara (ISN) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729]. ISN adalah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang merupakan peneraju kepada pembangunan kemajuan dan kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan negara. Kecemerlangan dan kejayaan dalam peningkatan prestasi atlet dan sukan negara menjadi fokus utama ISN kerana kejayaan melahirkan atlet bertaraf dunia adalah melalui penerapan elemen sains sukan dan perubatan sukan yang bermula dari peringkat akar umbi sehinggalah menjadi seorang atlet bertaraf dunia.

Penyata Kewangan (Teraudit) ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Anggota Institut Sukan Negara Penggal Keenam Bil.1(4/2021) pada 18 November 2021 dan diluluskan untuk dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

2. ASAS PENYEDIAAN

a. Tempoh Laporan dan Entiti

Penyediaan Penyata Kewangan ISN adalah tertakluk kepada Akta 1980 Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) di mana tempoh pelaporan tidak dinyatakan di dalam Akta tersebut. Oleh itu, tahun kewangan ISN adalah daripada 1 Januari hingga 31 Disember selaras dengan Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan Mata Wang fungsian dan pelaporan ISN.

b. Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan/atau mengukur Aset dan/atau Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Ini juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan dan penilaian dalam proses mewujudkan polisi perakaunan ISN.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

a. Piawaian dan Interpretasi yang dikeluarkan, diterima pakai awal oleh ISN.

ISN telah memilih untuk menerima pakai lebih awal semua piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara (JANM) yang berkuat kuasa dan diterima pakai bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2017 seperti berikut:

- MPSAS 1 - Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2 - Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3 - Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 9 - Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
- MPSAS 14 - Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 17 - Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19 - Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20 - Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 22 - Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Am Kerajaan
- MPSAS 23 - Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai & Pindahan)
- MPSAS 24 - Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25 - Manfaat Pekerja
- MPSAS 28 - Instrumen Kewangan: Pembentangan
- MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 31 - Aset Tak Ketara
- MPSAS 33 - Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan

b. Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Bantuan Kerajaan

Geran Mengurus yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk pembiayaan belanja operasi diakaunkan dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tahun ia diterima.

Geran Pembangunan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan kepada Penyata Prestasi Kewangan mengikut jangka hayat aset atau tahun di mana perbelanjaan dibuat.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Pendapatan Faedah

Hasil Faedah Terakru menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Kadar Faedah Berkesan mendiskaun dengan tetap anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna Aset Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Hasil Faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

Pendapatan Sewa

Pendapatan Sewa yang diterima daripada sewaan fasiliti ISN oleh entiti luar diambil kira mengikut pada pertimbangan nilai saksama yang diterima atau belum diterima dan dimasukkan sebagai hasil.

Lain-lain Hasil

Sumbangan

Sumbangan yang diperolehi daripada syarikat-syarikat tempatan sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan yang diterima atau belum diterima diambil kira mengikut asas akruan sepanjang tempoh perjanjian.

Hasil Perkhidmatan

Hasil Perkhidmatan adalah diambil kira berdasarkan jumlah pendapatan yang dijana sendiri oleh ISN melalui penganjuran kursus, perkhidmatan sains sukan dan perubatan sukan serta lain-lain perkhidmatan dari semasa ke semasa.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

c. Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susutnilai

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai penjejasan terkumpul kecuali kerja dalam pelaksanaan/kemajuan. Susutnilai ke atas aset dalam kerja-kerja pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan. Hanya hartanah, loji dan peralatan berharga RM2,000 dan ke atas setiap unit dipermodalkan. Kos sesuatu unit hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan berada dalam keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikendalikan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun di bawah aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan yang digunakan oleh ISN dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan lebihan atau defisit dalam tempoh kewangan tersebut.

Susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus dengan memperuntukkan kos aset ditolak nilai sisa:

i)	Komputer	25% setahun
ii)	Perisian Komputer	25% setahun
iii)	Lekapan dan Lengkapan	20% setahun
iv)	Alatan Pejabat	20% setahun
v)	Alatan Perubatan	20% setahun
vi)	Alat dan Peralatan	20% setahun
vii)	Alatan Sukan	20% setahun
viii)	Kenderaan & Jentera Berat	20% setahun
ix)	Ubahsuaian	20% setahun
x)	Bangunan	2% setahun

d. Kemosrotan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda kemosrotan. Jika wujud tanda sedemikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai jangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunkan.

Kerugian kemosrotan dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktiraf sebagai keterbalikan kerugian kemosrotan terdahulu dan diiktiraf setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemosrotan diiktiraf sebelum ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

e. Aset Tak Ketara – Perisian Komputer dan Harta Intelek

Kos berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut ditanggung yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dikenal pasti serta yang dikawal oleh ISN diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

(i) Kebolehlaksanaan teknikal dalam menyiapkan Aset Tak Ketara supaya ia tersedia untuk diguna atau dijual;

(ii) Hasrat entiti untuk menyiapkan Aset Tak Ketara tersebut untuk diguna atau dijual;

(iii) Keupayaan entiti untuk mengguna atau menjual Aset Tak Ketara;

(iv) Cara Aset Tak Ketara akan berkemungkinan menghasilkan faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan. Antara lain, entiti boleh menunjukkan kewujudan pasaran untuk output Aset Tak Ketara tersebut atau Aset Tak Ketara itu sendiri atau, jika ia adalah untuk digunakan secara dalaman, kebergunaan Aset Tak ketara tersebut;

(v) Ketersediaan sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual Aset Tak Ketara tersebut; dan

(vi) Keupayaan untuk mengukur dengan pasti belanja yang boleh dikaitkan dengan Aset Tak Ketara sewaktu pembangunan.

Kos langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan bahagian overhead yang relevan.

Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset dilunaskan dari titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan sepanjang anggaran hayat berguna, yang tidak melebihi 4 tahun.

Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama 4 tahun.

Harta Intelek dipermodalkan berasaskan jumlah yang dibayar semasa mendapatkannya.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

f. Instrumen Kewangan

Aset Kewangan

Klasifikasi

ISN mengklasifikasikan aset kewangannya sebagai pinjaman dan belum terima. Klasifikasi bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan tersebut diperolehi.

Pinjaman dan Penghutang

Pinjaman dan yang belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan tetap atau pembayaran boleh ditentukan yang tidak sebutharga dalam pasaran aktif. Jika jumlah kutipan dijangka dalam satu tahun atau kurang ia dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan kesetaraan belum diterima oleh ISN terdiri daripada 'Akaun Belum Terima' dan tunai dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Akaun Belum Terima dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskan. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan ke atas semua baki tertunggak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Liabiliti Kewangan

Pengiktirafan

Liabiliti kewangan ISN termasuk pemiutang. Pemiutang diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan lain pada pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama. Liabiliti kewangan lain kemudiannya dibawa pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pemiutang dinyatakan pada nilai kos dimana nilai saksama merupakan amaun yang perlu dibayar pada masa hadapan untuk perkhidmatan atau barangan yang diterima.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

g. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, tunai di bank, pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal 6 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko yang tidak ketara pada perubahan nilai.

h. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila ISN mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lepas, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada nilai anggaran semasa terbaik ke atas perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada tanggungjawab itu. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai belanja kos kewangan.

i. Manfaat Pekerja

Faedah Jangka Pendek Kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bantuan khas kewangan dan manfaat bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan di mana kakitangan memberi perkhidmatan yang berkaitan diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti diselesaikan. Liabiliti dibentangkan sebagai tanggungan manfaat pekerja dalam penyata kedudukan kewangan.

ISN mengiktiraf liabiliti dan belanja Bantuan Khas Kewangan, berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan selepas pembentangan bajet kerajaan persekutuan jika terdapat peruntukan bagi Bantuan Khas Kewangan. ISN mengiktiraf peruntukan di mana adanya obligasi kontraktual atau jika terdapat amalan terdahulu yang telah mewujudkan suatu obligasi kontraktual.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

Faedah Persaraan

ISN mempunyai manfaat pekerjaan sejajar dengan keadaan dan amalan tempatan. Jenis-jenis faedah persaraan iaitu Pencen Perkhidmatan dan Anugerah Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.

Pencen Perkhidmatan adalah pelan pencen di mana ISN membayar caruman tetap kepada sebuah entiti iaitu Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) untuk kakitangan berstatus tetap. ISN juga membayar caruman tetap kepada sebuah entiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi kakitangan berstatus kontrak. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan seperti yang ditanggung.

Bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam, Peraturan-Peraturan Pencen 1980, dibaca bersama-sama Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1993, juga memperuntukkan pembayaran Wang Tunai Sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR), iaitu bagi cuti rehat yang tidak dihabiskan kerana kepentingan perkhidmatan dan terkumpul mengikut syarat-syarat pengumpulan di bawah peraturan pencen dan pekelliling yang berkenaan.

j. Pendedahan Pihak Berkaitan

MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan menyatakan ganjaran bagi personel pengurusan utama dan amaun bagi ganjaran serta pampasan lain yang diterima hendaklah didedahkan di dalam nota kepada penyata kewangan.

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti Institut sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pembayaran untuk kakitangan penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

	2020	2019
Jumlah Ganjaran	RM227,231	RM284,482
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	14 Orang	16 Orang

INSTITUT SUKAN NEGARA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:-

	2020 RM	2019 RM
Tunai Di Tangan	5,892	2,370
Tunai Di Bank	19,071,800	3,526,742
Simpanan Tetap	-	10,000,000
Jumlah	19,077,692	13,529,112

Tunai di Bank mendapat faedah pada kadar terapung berdasarkan kadar harian deposit bank.

Simpanan Tetap dibuat untuk tempoh yang singkat, bergantung kepada keperluan tunai segera ISN. Purata wajaran kadar faedah pada 31 Disember 2020 adalah 3.50% (2019: 3.50%).

5. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima terdiri daripada:-

	2020 RM	2019 RM
Pendahuluan Diri Pekerja	-	1,530
Pendahuluan Pelbagai Pekerja	348,203	533,851
Faedah Terakru Simpanan Tetap	-	54,658
Deposit	1,800	-
Penghutang dan Bayaran Terdahulu	10,405,531	9,257,771
Jumlah	10,755,534	9,847,810

Pendahuluan Diri Pekerja adalah sejumlah wang yang dibayar kepada individu perseorangan bagi tujuan melaksanakan tugas rasmi diluar pejabat manakala Pendahuluan Pelbagai adalah sejumlah wang yang dibayar kepada individu bagi tujuan melaksanakan program berkelompok sama ada dalam dan luar negara.

Deposit adalah sejumlah wang yang dibayar kepada organisasi luar bagi tujuan penyewaan premis pejabat pusat satelit ISN.

Penghutang adalah organisasi luar yang menerima perkhidmatan daripada ISN dan tiada kadar faedah dikenakan untuk penghutang.

INSTITUT SUKAN NEGARA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

5. AKAUN BELUM TERIMA (sambungan)

Bayaran Terdahulu adalah pendahuluan bayaran yang dibuat oleh ISN kepada organisasi yang memberi perkhidmatan kepada ISN bagi tempoh yang melebihi tahun semasa. Termasuk juga di dalam bayaran terdahulu adalah bayaran bagi perkhidmatan perubatan kepada atlet Akademi Mokhtar Dahari (AMD) di mana tuntutan semula akan dibuat secara sukuan tahun kepada Majlis Sukan Negara (MSN).

Peruntukan Hutang Ragu ditolak daripada pendahuluan pelbagai kakitangan dan penghutang dan bayaran terdahulu yang tidak dapat dikenal pasti seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Pendahuluan Diri Pekerja	-	1,530
Pendahuluan Pelbagai Pekerja	361,126	-
Penghutang dan Bayaran Terdahulu	10,433,734	-
Tolak : Peruntukan Hutang Ragu	(41,126)	-
Jumlah Pada Akhir Tahun	10,753,734	1,530

6. PENGHUTANG PINJAMAN PEKERJA

Pembiayaan Komputer adalah tidak bercagar dan risiko kredit ke atas pinjaman adalah kecil, amaun yang tertunggak boleh dibayar balik secara bulanan melalui potongan gaji. Penyelesaian terkumpul penghutang pinjaman pekerja adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	10,907	16,086
Tambah		
Pinjaman Komputer Tahun Semasa	-	-
Tolak		
Bayaran Pinjaman Komputer Tahun Semasa	(5,179)	(5,179)
Jumlah	5,728	10,907
Pinjaman yang perlu dibayar selepas 12 bulan	1,978	5,728
Pinjaman yang perlu dibayar dalam masa 12 bulan	3,750	5,179
	5,728	10,907

INSTITUT SUKAN NEGARA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Komputer RM	Lengkapan & RM	Alatan Pejabat RM	Alatan Perubatan RM	Alatan & Peralatan RM	Alatan Sukan RM	Kenderaan & Jentera RM	Ubahsuai RM	Bangunan RM	Jumlah RM
KOS										
Pada 1 Januari 2020	3,495,085	4,898,630	580,534	9,132,797	25,023,675	7,017,750	3,561,116	8,273,163	-	61,982,750
Tambahan	166,084	77,220	-	660,220	161,039	7,559	-	-	-	1,072,122
Pelupusan	(38,711)	(22,401)	-	-	-	-	(263,938)	-	-	(345,050)
Pelarasan	-	-	-	55,000	-	-	-	-	14,439,082	14,494,082
Pada 31 Disember 2020	3,622,458	4,953,449	580,534	9,848,017	25,184,714	7,025,309	3,277,178	8,273,163	14,439,082	77,203,904
SUSUT NILAI TERKUMPUL										
Pada 1 Januari 2020	2,980,396	2,747,311	485,396	5,750,758	16,338,792	5,186,664	2,803,131	2,580,884	-	38,873,332
Tambahan	346,928	870,437	33,960	1,486,800	4,180,205	781,083	298,860	1,575,264	-	9,573,537
Pelupusan	(35,641)	(18,626)	-	-	-	-	(274,977)	-	-	(329,244)
Pelarasan	(1)	-	-	-	(3)	-	-	-	240,652	240,648
Pada 31 Disember 2020	3,291,682	3,599,122	519,356	7,237,558	20,518,994	5,967,747	2,827,014	4,156,148	240,652	48,358,273
NILAI BUKU BERSIH										
Pada 31 Disember 2020	330,776	1,354,327	61,178	2,610,459	4,665,720	1,057,562	450,164	4,117,015	14,198,430	28,845,631

INSTITUT SUKAN NEGARA

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

	Komputer RM	Lengkapan RM	Alatan Pejabat RM	Alatan Perubatan RM	Alatan & Peralatan RM	Alatan Sukan RM	Kenderaan RM	Ubahsuai RM	Jumlah RM
KOS									
Pada 1 Januari 2019	3,508,564	4,781,514	529,789	9,112,897	25,012,768	7,341,716	3,780,139	4,969,426	59,036,813
Tambahan	-	93,580	21,100	19,900	37,158	-	-	-	171,738
Pelupusan	(13,479)	(29,888)	(66,889)	-	(4,500)	(328,259)	(542,897)	-	(965,912)
Pelarasan	-	53,424	96,534	-	(21,751)	4,293	323,874	3,303,737	3,760,111
Pada 31 Disember 2019	3,495,085	4,898,630	580,534	9,132,797	25,023,675	7,017,750	3,561,116	8,273,163	61,982,750
SUSUT NILAI TERKUMPUL									
Pada 1 Januari 2019	2,382,550	2,006,539	400,480	4,077,276	11,629,034	4,353,258	2,985,167	1,576,541	29,410,845
Tambahan	611,327	861,418	55,272	1,673,482	4,720,075	1,157,373	368,359	1,016,466	10,463,772
Pelupusan	(13,479)	(26,927)	(66,889)	-	(3,500)	(328,259)	(542,895)	-	(982,049)
Pelarasan	(2)	(93,719)	96,533	-	(6,717)	4,292	(7,500)	(12,123)	(19,236)
Pada 31 Disember 2019	2,980,396	2,747,311	485,396	5,750,758	16,338,792	5,186,664	2,803,131	2,580,884	38,873,332
NILAI BUKU BERSIH									
Pada 31 Disember 2019	514,689	2,151,319	95,138	3,382,039	8,684,883	1,831,086	757,985	5,692,279	23,109,418

INSTITUT SUKAN NEGARA

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

8. KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja Dalam Kemajuan adalah kerja-kerja naik taraf yang dilaksanakan oleh ISN:

	2020 RM	2019 RM
<u>KOS</u>		
Pada 1 Januari	16,617,669	15,728,775
Tambahan	8,464,553	4,750,000
Pelarasan	(138,894)	(3,861,106)
Pada 31 Disember	<u>24,943,328</u>	<u>16,617,669</u>

9. ASET TAK KETARA

Aset Tak Ketara adalah pembayaran kos Harta Intelek dan pembelian perisian komputer termasuk kos-kos yang terlibat dalam menaik taraf perisian tersebut bagi mematuhi kriteria Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) seperti sistem perakaunan, sistem gaji, sistem pengurusan aset dan lain-lain sistem di ISN:

	HARTA INTELEK RM	PERISIAN KOMPUTER RM	JUMLAH RM
<u>KOS</u>			
Pada 1 Januari	-	5,733,304	5,733,304
Tambahan	9,700	235,052	244,752
Pada 31 Disember	<u>9,700</u>	<u>5,968,356</u>	<u>5,978,056</u>
<u>SUSUT NILAI TERKUMPUL</u>			
Pada 1 Januari	-	4,396,147	4,396,147
Tambahan	-	785,886	785,886
Pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>5,182,033</u>	<u>5,182,033</u>
<u>NILAI BUKU BERSIH</u>			
Pada 31 Disember	<u>9,700</u>	<u>786,323</u>	<u>796,023</u>

INSTITUT SUKAN NEGARA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

10. PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU

Pemiutang jangka pendek adalah tidak dikenakan faedah dan jangka purata satu bulan. Pelbagai pemiutang dan perbelanjaan terakru terdiri daripada:

	2020 RM	2019 RM
Pemiutang	8,604,299	2,890,546
Perbelanjaan Terakru	1,248,136	4,950,766
Peruntukan Yuran Audit	40,000	39,962
Hasil Terdahulu	58,333	58,333
Deposit Rawatan PPSN (GL)	15,000	10,000
Wang Tahanan	16,350	24,673
Jumlah	9,982,118	7,974,280

11. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

Peruntukan Manfaat Pekerja adalah seperti berikut:-	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	434,430	667,069
Tambah		
Peruntukan Tahun Semasa	225,594	434,430
Tolak		
Bayaran GCR Tahun Semasa	(165,741)	(54,199)
Bayaran Imbuan dan Bantuan Tahun Semasa	-	(541,841)
Pelarasan	-	(71,029)
Jumlah	494,283	434,430
Ganjaran yang perlu dibayar selepas 12 bulan	494,283	268,689
Ganjaran yang perlu dibayar dalam masa 12 bulan	-	165,741
	494,283	434,430

Peruntukan Manfaat Kakitangan adalah anugerah wang tunai sebagai ganti cuti rehat terkumpul. Hadiah wang tunai ini diberikan kepada pekerja yang tidak dapat menggunakan semua cuti mereka sehingga maksimum 150 hari disebabkan kepentingan perkhidmatan. Anugerah wang tunai dibayar pada hari terakhir bekerja selepas bersara dan ia dikira berdasarkan gaji kakitangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Pengiraan jumlah terkumpul gantian cuti rehat ini adalah bagi 125 orang kakitangan berstatus tetap pada 31 Disember 2020.

INSTITUT SUKAN NEGARA

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

12. PERUNTUKAN GERAN

Peruntukan Geran terdiri daripada:

	2020 RM	2019 RM
(a) Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara		
Baki pada 1 Januari	(28,050,027)	(27,452,880)
Tambah		
Terimaan geran dari Kerajaan Malaysia	14,325,000	1,040,000
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(7,470,351)	(1,040,000)
Pelarasan	(5,542,019)	(597,147)
Baki pada 31 Disember	<u>(26,737,397)</u>	<u>(28,050,027)</u>
	2020 RM	2019 RM
(b) Geran Pembangunan Adamas		
Baki pada 1 Januari	(586,671)	(577,406)
Tambah		
Terimaan geran dari Kerajaan Malaysia	-	-
Tolak		
Pelarasan	(10)	(9,265)
Baki pada 31 Disember	<u>(586,681)</u>	<u>(586,671)</u>
	2020 RM	2019 RM
(c) Geran Pembangunan Podium		
Baki pada 1 Januari	20,226,333	21,038,488
Tambah		
Pelarasan	2,667,005	806,416
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(1,585,658)	(1,618,571)
Pelarasan	(29,882)	-
Baki pada 31 Disember	<u>21,277,798</u>	<u>20,226,333</u>

INSTITUT SUKAN NEGARA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

12. PERUNTUKAN GERAN (sambungan)

	2020 RM	2019 RM
(d) Geran Pembangunan ISN		
Baki pada 1 Januari	60,238,842	54,510,288
Tambah		
Terimaan geran dari Kerajaan Malaysia	7,680,000	13,740,000
Pelarasan	-	97,967
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(6,337,663)	(6,141,499)
Pelarasan	-	(1,967,914)
Baki pada 31 Disember	61,581,179	60,238,842
	2020 RM	2019 RM
(e) Geran MyTID		
Baki pada 1 Januari	2,644,468	2,982,079
Tambah		
Terimaan Tahun Semasa	-	-
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(83,910)	(175,800)
Pelarasan	-	(161,811)
Baki pada 31 Disember	2,560,558	2,644,468
	2020 RM	2019 RM
(f) Geran PFI 2		
Baki pada 1 Januari	1,735,870	2,967,364
Tambah		
Pelarasan	-	3
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(783,134)	(964,425)
Pelarasan	-	(267,072)
Baki pada 31 Disember	952,736	1,735,870
JUMLAH PERUNTUKAN GERAN	59,048,193	56,208,815

INSTITUT SUKAN NEGARA

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

13. PENDAPATAN TERTUNDA

Pendapatan Tertunda adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	83,236	126,967
Tambah		
Sumbangan yang diterima	14,494,082	-
Pelarasan	9	-
Tolak		
Sumbangan yang dilunaskan	(285,309)	(43,731)
Baki pada 31 Disember	<u>14,292,018</u>	<u>83,236</u>

14. URUS NIAGA PERTUKARAN

Urus Niaga Pertukaran terdiri daripada:

	2020 RM	2019 RM
Hasil Sewaan	11,272	7,213
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	57,143	73,834
Jumlah	<u>68,415</u>	<u>81,047</u>

15. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

Urus Niaga Bukan Pertukaran terdiri daripada:

	2020 RM	2019 RM
Bantuan Kerajaan Geran Mengurus	16,500,000	20,759,303
Pelunasan Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara	7,470,351	1,040,000
Pelunasan Geran Pembangunan ISN	6,337,663	6,141,499
Pelunasan Geran Pembangunan Podium	1,585,658	1,618,571
Pelunasan Geran MyTID	83,910	175,800
Pelunasan Geran PFI 2	783,134	964,425
Pelunasan Harta Modal Pemberian Syarikat Tempatan	44,657	43,731
Pelunasan Harta Modal Pemberian MSN	240,652	-
Jumlah	<u>33,046,025</u>	<u>30,743,329</u>

INSTITUT SUKAN NEGARA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

16. PENDAPATAN LAIN

Pendapatan Lain terdiri daripada:

	2020	2019
	RM	RM
Lain-lain Pendapatan	169,190	240,242
Lain-lain Perkhidmatan	12,626,012	19,309,041
Sumbangan	1,013,154	4,264,428
Pulangan Balik Perbelanjaan	13,963	169,525
Jumlah	13,822,319	23,983,236

17. EMOLUMEN

Emolumen terdiri daripada:

	2020	2019
	RM	RM
Gaji, Elaun, KWAP dan Kos Kakitangan	17,841,493	16,870,397
Upah	1,056,383	1,153,534
KWSP dan Perkeso	1,298,417	1,140,864
Elaun Lebih Masa	161,642	253,619
Jumlah	20,357,935	19,418,414

Jumlah kakitangan pada akhir tahun adalah 313 (2019 : 285).

18. CUKAI PENDAPATAN

Tiada peruntukan cukai pendapatan dibuat pada tahun semasa. Walau bagaimanapun, ISN telah mendapatkan kelulusan untuk melantik Ejen Cukai dalam Mesyuarat Anggota Institut Sukan Negara Bil.2/2020 pada 30 April 2020. Sehingga kini, pihak ejen cukai sedang menjalankan proses mengeluarkan data dari lejar bagi menyelesaikan pengiraan cukai taksiran tahun 2013 hingga tahun taksiran 2019 dan mereka menjangkakan draf akan dikeluarkan pada bulan April 2021.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

19. CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

Perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. ISN merupakan badan berkanun yang berdaftar dengan GST dan tertakluk dengan akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Implikasi GST terhadap ISN adalah seperti berikut:

i) Cukai output

Setiap perkhidmatan yang diberikan oleh ISN adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%). Antara perkhidmatan yang disediakan oleh ISN adalah seperti penyewaan *venue* bagi pengajuran acara sukan dan bukan sukan dan jualan dokumen tender. ISN perlu membayar cukai output (6%) bagi setiap jualan yang dibuat.

ii) Cukai input

ISN menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi bekalan/perkhidmatan berkadar standard (6%). ISN boleh menuntut cukai input bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard (6%).

20. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan telah diklasifikasikan semula kerana mengambilkira pemakaian awal MPSAS.

21. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Institut telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020. Bajet asas telah diluluskan dalam Mesyuarat Anggota Institut Sukan Negara Bil 1/2020 pada 6 Januari 2020.

Bajet dan Penyata Kewangan Institut disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akrual menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai.

22. PERISTIWA - PERISTIWA PENTING PADA TAHUN SEMASA


Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan bahawa Jangkitan Novel Coronavirus 2019 ("COVID 19") sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Pelbagai langkah berjaga-jaga dan kawalan telah dan masih dilaksanakan di Malaysia dan di seluruh dunia.

Berdasarkan penyata kewangan ini, tidak ada kesan penting terhadap kewangan atau operasi Institut. Institut mendapat sokongan dari Ahli Lembaga Institut untuk memenuhi keperluan kecairannya sekurang-kurangnya selama 12 bulan berikutnya setelah akhir tahun tempoh pelaporan. Institut akan terus memantau keperluan kewangan dan operasinya sepanjang dan setelah masa pandemik yang diperlukan.

RAKAN STRATEGIK PENAJAAN



RAKAN STRATEGIK PERNIAGAAN



ANAK SYARIKAT



INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA
(National Sports Institute of Malaysia)

Kompleks Sukan Negara 57000 Bukit Jalil
Kuala Lumpur

Tel. : +03 - 8991 4400/4800
Faks : +03 - 8996 8748/4984

isn.gov.my

© 2021 Institut Sukan Negara Malaysia